

"BETA melihat, dari kesan-kesan zikir, doa dan amal soleh yang telah dan sedang rancak berjalan di negara ini, makanya Allah Subhanahu Wata'ala telah mencurahkan rahmat-Nya yang melimpah-limpah kepada kita, sehingga apa yang kita dan negara ini nikmati, sukar untuk diraih oleh orang lain."

- Titah Sempena
Menyambut Awal Tahun
Baru Hijrah 1433.



Berkenan menyempurnakan pentauliahan KDB DARULAMAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan bergambar kenangan bersama pegawai-pegawai dan anak-anak buah kapal, Kapal Diraja Brunei (KDB) MUSTAED sempena Upacara Pentauliahan Kapal Peronda Baru KDB DARULAMAN. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar ke muka 12 dan 13).

Oleh : Abdullah Asgar,
Haniza Abdul Latif, Khartini Hamir

MUARA, Isnin, 12 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Pentauliahan Kapal Peronda Baru Kapal Diraja Brunei (KDB) KDB DARULAMAN.

Upacara tersebut berlangsung di Jeti Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Keberangkatan baginda di Jeti Pangkalan TLDB dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar

Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanafiah.

Baginda yang segak mengenakan service dress TLDB seterusnya berkenan menerima tabik hormat diraja daripada kawalan kehormatan TLDB yang diketuai oleh Ketua Perbarisan, Mejar (L) Sonny Iskandar bin Rasani sebelum memeriksa perbarisan kawalan kehormatan.

Seterusnya baginda dijunjung berangkat naik ke KDB DARULAMAN oleh Timbalan Pemerintah TLDB, Lettenan Kolonel (L) Awang Haji Aznan bin Haji Julaihi.

Ke muka 12 dan 13

Industri Kreatif peluang pekerjaan baru bagi para belia

LONDON, UNITED KINGDOM, 8 Disember 2011. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, Industri Kreatif (Creative Industry) adalah bidang yang ingin untuk dikembangkan di Negara Brunei Darussalam kerana ia membuka peluang baru bagi pekerjaan kepada para belia.

Oleh itu, para penuntut adalah diharap untuk cuba memahami kemajuan dan perkembangan industri kreatif di United Kingdom untuk dibawa balik bagi

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

dipraktikkan atau dikongsikan dengan belia-belia di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat berkata demikian semasa berucap pada

Sesi Dialog bersama penuntut - penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Brunei Hall, London.

Ke muka 24

DI DALAM



Muka 4

MENTERI Pembangunan lancarkan Kad Debit Visa

Muka 5

JURUFOTO disaran serta pembangunan industri kreatif

NBD sokong projek membangun satu komuniti serantau

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir
Rahmanir Rahim

Alhamdulillah
Rabbil'alameen,
Wabihee Nasta'eenu
'Alaa Ummuriddunyaa
Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

TERIMA kasih Tuan Presiden kerana menjemput beta di forum ini.

Ia adalah kegembiraan berada di sini lagi.

Tahun ini, forum diadakan pada akhir tahun di mana Republik Indonesia sebagai Pengurus ASEAN yang sangat aktif, dan beta ingin merakamkan penghargaan di atas kepimpinan negara anda.

Anda juga telah meneckankan bahawa kita adalah sebahagian daripada dunia moden dan kita perlu bertindak secara positif terhadap cabaran-cabaran serta permintaan-permintanya.

Ini adalah dialu-alukan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selama 27 tahun, ASEAN merupakan pintu laluan dunia bagi rakyat kita melimpasi sempadan.

Hasilnya, kita tidak perlu terasa terasing atau tidak dikenali.

Pertubuhan kita juga telah membantu kita dan negara-negara jiran berkongsi satu matlamat serantau dan sebuah identiti antarabangsa.

Dengan cara ini Tuan Presiden, kita percaya bahawa ASEAN merangkumi elemen penting penyertaan demokrasi dan telah memberi respons terhadap pendapat-

pendapat yang ada dalam tema forum hari ini.

Maka yang demikian, kami memberi sokongan padu kepada projek semasa yang paling utama ASEAN iaitu membangun satu komuniti serantau.

Kami melihat perkara ini sebagai satu kesinambungan dari visi pengasas-pengasas ASEAN sejarah dengan nilai-nilai yang kita hargai di Negara Brunei Darussalam.

Dengan berkongsi warisan, saling menghormati, perasaan muhibah dan menyokong antara satu sama lain yang mana merupakan tonggak pembangunan untuk satu komuniti masa depan,

yang juga akan menjadi satu tempat perlindungan yang sesuai bagi keluarga besar serantau, di mana rakyat kita akan dapat meningkatkan kemampuan, kemahiran, bakat dan keyakinan dalam menghadapi masa depan.

Bagaimanapun, Tuan Presiden seperti tema kita bentangkan pada hari ini, bahawa tempat tinggal, masa depannya, kekuatannya dan keselamatan yang ditawarnya adalah sentiasa diuji.

Masa berlalu dengan cepat dan dunia kita terdedah kepada perubahan.

Setiap generasi baru perlu bergerak cepat bagi menyesuaikan diri dengan realiti yang dibawa oleh perubahan.

Terlepas seperti yang telah kita pelajari sepanjang tahun 2011, proses perubahan itu sendiri telah melalui peralihan.

Ia tidak lagi merupakan satu proses yang mudah untuk diramal dan mengambil masa berdekad-dekad atau bahkan ber-tahun-tahun.

Ada kalanya ia hanya berlaku dalam masa semalam dan ia adalah kepentasan dan kekuatan perubahan proses moden yang boleh menggugat keyakinan orang-orang

kita di masa depan mereka.

Ia dijana oleh dinamik yang sangat kuat, yang kita telah melabelkannya sebagai Kuasa Pasaran, Keselamatan Tenaga, Keselamatan Makanan, Bencana Alam, Perubahan Iklim dan Pandemik Kesihatan.

Ada waktunya, visi kita di rautan yang selamat boleh berada di bawah sekitan kuasa-kuasa tersebut.

Tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan kerajaan adalah setentu-nya untuk melindunginya dan semua yang ada di dalamnya.

Bagaimanapun, ia adalah amat sukar untuk ditangani secara berkesan dalam proses, jika dibandingkan kami negara individu yang mempunyai pengawalan yang sangat sedikit.

Sejak kebelakangan tahun ini, kita telah menyaksikan pelbagai pendekatan diambil untuk menangani seruan kepada perubahan di seluruh dunia.

Sebahagiannya masih di takuk yang lama.

Lupukan masa lalu, ianya didakwa dan hasilnya menjadi huru-hara sosial. Sebahagian lagi adalah secara revolusi, menghadapi seruan perubahan serta-merta kepada *status quo* kerajaan dan sistem mereka.

Dan yang lain lebih terbuka dan memerlukan perubahan secara beransur-ansur dan jalan tengah.

Terlepas seperti mana yang telah dilihat segala respons boleh jadi pelbagai seperti mana masalah-masalah itu.

Takuk lama sering menjerus kepada percanggahan. Revolusi mewujudkan pergolakan sosial.

Keterbukaan menggalakkan pembahagian politik.

Oleh yang demikian, kita telah beralih kepada penyertaan seperti yang dinyatakan dalam tema forum pada hari ini.

Beta dengan ini ber-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sesi Ucapan Kenyataan Dalam Forum Demokrasi Bali Ke-4 (BDF 4) di Bali, Republik Indonesia pada hari Khamis, 12 Muharam 1433 Hijriah bersamaan 8 Disember 2011 Masihi.

Terjemahan teks asal bahasa Inggeris oleh :
Hajah Musmariani Haji Mohammad

maksud, kerjasama di kalangan negara individu dan sebagai rakan kongsi di pertubuhan serantau.

Dalam hal ini, kita perlu mengutarakan tugas-tugas praktikal dalam menterjemahkan visi masyarakat serantau kita kepada satu realiti yang melindungi rakyat, harapan dan impian rakyat kita.

Kita perlu untuk meningkatkan keyakinan di masa depan bagi keluarga dan individu.

Dan kita perlu menjana budaya saling hormat-menghormati, rasa muhibah dan bersikap adil antara satu sama lain

Dan secara praktikal, ia bermaksud memastikan bahawa terdapat perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan, dalam segenap peringkat bentuk dan peluang kehidupan bagi semua.

Beta dengan ini ber-

Hanya dengan cara ini,

rakyat kita akan dapat ikut serta dalam apa jua yang berlaku di sekeliling mereka dengan kefahaman dan penghargaan.

Secara alternatif adalah untuk menyaksikan semua yang telah kita capai, akan musnah akibat kepantasan dan kekuatan perubahan, mengakibatkan masyarakat dan rakyat saling tidak mengenal dalam masyarakat global yang mana akan mempunyai peranan peribadi yang semakin sedikit.

Jika perkara ini dibiarkan berlaku, Tuan Presiden, ia merupakan satu penolakan terhadap sejarah silam rakyat, mengaku kalah kepada cabaran-cabaran semasa dan pengkhianatan kepada masa depan.

Terima Kasih.

Wabilahit Taufeq Walhidayah, Wassala-mu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Azman Haji Abdul Rahim,
Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanish Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali,
Majidah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan


Haji Ahat Haji Ismail,
Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Perekat Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Rudiana Mohd. Salleh,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin



AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

JKR
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Dari Sidang Pengarang.

14 DISEMBER 2011 BERSAMAAN 1433 محرم 18

JUNJUNG, TANAI KEDAULATAN BAHASA MELAYU

BAHASA Melayu telah lama menjadi bahasa rasmi negara bahkan ia yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Beberapa langkah positif telah diusahakan oleh pihak kerajaan seperti mengedarkan surat kelingi seperti surat-surat kelingi Pejabat Setia Usaha Kerajaan No. 9/1962, No. 52/1963, No. 38/1964, No. 4/1965, No. 26/1965. Jika dilihat, ternyata surat kelingi oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang diedarkan mengenai penggunaan bahasa Melayu telah berulang kali diedarkan. Jika demikian, mengapa masih ada pihak yang tidak peka dengan 'sararan' mahupun 'teguran' oleh pihak kerajaan itu?

Apakah kurangnya bahasa Melayu? Tidak standardkah bahasa Melayu itu? Jatuhkah taraf si penutur jika dia berbahasa lain selain daripada bahasa Melayu ketika bermesyuarat? Fikiran seperti inilah yang perlu dikikah dalam minda rakyat di negara ini terutama sekali orang Melayu. Cubalah kitani bercontohnya kepada negara matahari terbit, Jepun dalam mana rakyatnya tetap setia menggunakan bahasa ibunda mereka walau dalam apa acara pun seperti mesyuarat atau majlis-majlis rasmi. Begitu juga dengan kedai-kedai dan papan tanda yang semuanya menggunakan bahasa Jepun. Inilah budaya yang patut kita contoh, walaupun maju dan canggih tetapi bahasa ibunda tetap terpatuh teguh dalam minda mereka.

Penggunaan bahasa Melayu telah berulang kali ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semasa sambutan 50 tahun Dewan Bahasa Pustaka (DBP) pada 17 September 2011, baginda menyeru agar kedaulatan bahasa Melayu tidak dikurangkan dan dikelaskan atau sangga melangkahnya dalam keadaan ketika dan ketika yang tidak perlu. Baginda seterusnya mengisytiharkan bulan Julai sebagai Bulan Bahasa dan menyarakkan semua di dalam Perkhidmatan Awam dan swasta melaksanakan tindakan proaktif bagi melestarikan bahasa Melayu. Perkara yang sama telah ditekankan oleh anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa merasmikan Perpaduan Merdeka Syair Perlembagaan Negeri Brunei pada 22 November 2011.

Seharusnya kitani berasa bangga akan keperihatinan raja kitani dalam mendaulatkan bahasa Melayu. Jika raja kitani sudah menitahkan perkara tersebut, maka tinggal lagi usaha kitani dalam melaksanakan hasrat baginda itu. Surat kelingi tentang penggunaan bahasa Melayu telah berulang kali dikelilingkan tetapi hanya dilaksanakan sambil lewat sahaja. Pengaruh kolonialis seolah-olah sudah sebatas dalam minda kitani orang-orang Melayu. Inilah perkara yang sangat kitani kesakan. Sepatutnya kitani yang menjalin tonggak dan mendukung penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Golongan elit dan pihak yang berkenaan sepatahnya mengambil perhatian tentang perkara ini. Rasa megah dan setia terhadap bahasa Melayu perlu ada pada setiap rakyat negara ini supaya bahasa Melayu tetap akan menjadi khasanah negara yang perlu dikekalkan dan diletakkan pada peringkat tinggi.

Tetapi apa yang mendukur perkara ini tidak diambil endah oleh segelintir masyarakat. Tidak banyak pihak memainkan peranan mereka dalam memperbaiki dan mendaulatkan bahasa Melayu. Paparan-papan tanda dengan slogan Bahasa Jawa Bangsa terpacak di sana sini tetapi masih juga yang kurang perhatian tentang kehebatan bahasa Melayu. Belia-belia dan generasi muda lebih gemar berbahasa Inggeris sesama mereka dan juga dengan ibu bapa di rumah. Jika dilihat perkara ini, ibu bapa juga memainkan peranan yang besar dalam mendidik anak-anak mereka dalam mendaulatkan bahasa Melayu. Kitani menyedari keperluan bahasa asing untuk dipelajari dan tidak menjadi kesalahan bercakap menggunakan bahasa Melayu? Memang kitani digalakkan mempunyai kemahiran bercakap dalam bahasa asing dalam menghadapi arus globalisasi tetapi janganlah sampai kitani mengetepikan bahasa Melayu.

Bahan penggunaan bahasa asing yang berleluasa sudah menunjukkan buktinya, misalnya dalam bidang pendidikan. Keputusan peperiksaan anak-anak Melayu sendiri sungguh mengecewakan kerana ada sebahagian mereka mendapat markah yang tercorot walau mereka adalah anak-anak Melayu, sedangkan anak-anak bangsa asing mendapat markah tinggi dalam bahasa Melayu. Apakah ada penjelasan yang menasabah tentang perkara ini?

Jika kitani peka dengan penggunaan bahasa Melayu ini cubalah kitani berusaha untuk meningkatkan kedudukan bahasa Melayu di negara ini. Apakah gunanya falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) jika kitani tidak berusaha untuk menegakkannya di negara ini? Sudah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Jadi apakah alasan kitani untuk mendidikkan kedudukan bahasa Melayu di negara ini?

Bukan untuk berangan-angan tetapi jika kitani berusaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu, tidak mustahil bahasa Melayu akan setanding dengan bahasa dunia lain seperti bahasa Inggeris. Pokok pangkalnya, tepuk dada tanya selera, jika kitani ada kemauan dan cita-cita dalam mendaulatkan penggunaan bahasa Melayu inilah masanya. Masih belum terlambat lagi, apa yang penting keitzaman, kesungguhan, kepekaan dan semangat kitani demi bahasa Melayu.

Seharusnya pihak-p

Titah-titah Kebawah DYMM sepanjang tahun 1432/1433H bersamaan 2011M

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN ABDB KE-50

Oleh :
Bolhassan Haji Abu Bakar

KETIKA bertitah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-50 pada 31 Mei, 2011, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggesa anggota ABDB supaya sentiasa siap siaga dan memastikan keupayaan sentiasa 'relevan' dengan cabaran-cabaran semasa.

Baginda yang juga selaku Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB menegaskan, semua persediaan mesti diatur dan dirancang untuk kepentingan negara yang mencakup soal-soal perhubungan antarabangsa, keselamatan sejagat, perdagangan, alam sekitar dan seumpamanya.

Ia juga menyangkut proses kerjasama serantau mahupun antarabangsa. Kearah itu Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei perlulah membina kerjasama dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara lain dalam Konsep Diplomasi Pertahanan.

Kerjasama serantau dalam rangka ASEAN dan antara ASEAN dengan rakan dialog, adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam untuk aktif terutama apabila negara menjadi pengurus kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dan ADMM-Plus pada tahun 2013.

Penglibatan ABDB dalam misi-misi pengamanan luar negara, seperti penyertaan negara dalam misi IMT di Filipina dan UNIFIL di Lubnan, telah banyak memberi pendedahan terhadap keselamatan antarabangsa serta cabarnya.

Terdahulu daripada itu, baginda bertitah menegaskan setiap negara berkewajipan untuk menjaga keamanan, kerana ia adalah segala-galanya. Menurut baginda, antara asas keamanan dan keselamatan itu turut dipegang oleh pihak-pihak yang berkenaan dengannya terutama oleh Angkatan Bersenjata kita.



"LIHAT sahajalah setengah negara di dunia yang tidak dapat membangun atau lambat membangun kerana menghadapi gangguan-gangguan keamanan. Mereka lebih fokus kepada menangani suasana daripada usaha-usaha ekonomi dan pembangunan. Begitulah besarnya sumbangan keamanan itu."



"ADAPUN perhiasan dengan Al-Qur'an itu, bukanlah sebarang perhiasan, tetapi 'perhiasan ketuhanan' yang tidak mengenal luntur atau pudar."

MAJLIS BERSAMA RAKYAT DAN PENDUDUK NBD YANG BERADA DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND UTARA

PARA penuntut yang melanjutkan pelajaran di luar negara perlu menyedari bahawa mereka bukanlah milik mutlak mereka sendiri, tetapi juga turut dikongsi oleh masyarakat dan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut ketika bertitah di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland Utara yang

berlangsung di London Hilton On Park Lane, United Kingdom pada 1 Mei 2011.

Baginda mengingatkan, tidak kira sama ada mereka itu belajar sendiri atau apakah lagi yang terikat dengan biasiswa kerajaan, mereka tidak boleh mengelak tanggungjawab terhadap kerajaan apabila telah lulus pengajian.

Tetapi malangnya, titah baginda, sudah ada kedengaran orang yang memilih tempat lain dari negaranya sendiri untuk berkhidmat. Dengan apapun alasan perkara itu adalah tidak elok kerana ia bertentangan dengan etika taat setia atau juga

PENDIDIKAN adalah investasi atau pelaburan sepanjang hayat yang mempunyai 'kuasa ajaib', kerana tanpanya kemajuan tidak akan dapat dicapai.

Ia adalah selaras dengan Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi iaitu termasuk memberi peluang kepada semua pelajar yang berkeupayaan untuk mencapai pengajian mereka sehingga ke tahap yang setinggi-setingginya sama ada di dalam atau di luar negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan demikian di Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Causa (Honoris Causa) Dalam Bidang Falsafah Kemanusiaan dan Peradapan ke hadapan majlis baginda dari Universitas Indonesia yang berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia pada 21 April, 2011.

Menurut baginda, Negara Brunei Darussalam sebagaimana juga Republik Indonesia mempunyai ramai penduduk dari warga muda di bawah umur 35 tahun yang perlu digalakkan bagi melaksanakan beberapa inisiatif penting agar potensi pemuda-pemudi kedua buah negara

MAJLIS PERTANDINGAN MEMBACA AL-QUR'AN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN 1432 HIJRIAH BERSAMAAN 2011 MASIHI

KITAB suci Al-Qur'an yang diturunkan adalah menjulah suluh dan pedoman kepada manusia di mana siapa yang membaca dan mengambil petunjuk daripadanya akan mendapat cahaya iaitu cahaya membawa kepada keselamatan.

Atas dasar tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

PENGANUGERAHAN IJAZAH DOKTOR KEHORMAT CAUSA (HONORIS CAUSA) DALAM BIDANG FALSAFAH KEMANUSIAAN DAN PERADAPAN

terus meningkat, terutama dalam bidang pendidikan.

Kedua-dua buah negara, tegas baginda, mempunyai pendirian yang sama dalam menangani pendidikan dan bersatu untuk meningkatkan lagi kerjasama pendidikan.

Dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat yang baginda terima, akan lebih meningkatkan lagi hubungan di antara Universitas Indonesia dengan Universiti Brunei Darussalam di samping menjadi penghubung yang erat di antara rakyat kedua-dua buah negara.

Sejak hasrat Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia serta rakan-rakan ASEAN untuk bekerja lebih kuat bagi meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang pendidikan, terutama dalam membangun Komuniti Sosial-Budaya ASEAN (ASEAN Socio-Cultural Community).

Selain itu, titah baginda, inisiatif-inisiatif seperti Rangkaian Uni-



"PENGHORMATAN ini bukan sahaja kepada diri saya sendiri, malahan juga Negara Brunei Darussalam."

versiti ASEAN (ASEAN University Network) akan menggalakkan per-sahabatan antara para pelajar di ran-tau ini dan bagina yakin sebagai Pengurus ASEAN tahun ini, Republik Indonesia mempunyai peran penting dalam merealisasikan matlamat-matlamat tersebut.

Berakas pada 12 Mei, 2011.

Al-Qur'an adalah warisan berharga dan cahaya Allah yang amat terang. Barang siapa yang tidak memiliki atau membacanya, maka mereka akan rugi dan tidak memperolehi cahaya. Sebagai contoh kalau rumah tanpa cahaya, apakah yang akan terjadi kepada penghuninya?

Dengan membaca Al-Qur'an, jelas baginda, insya-Allah kehidupan akan lebih bererti iaitu setelah dihiasi oleh Al-Qur'an.



"INILAH dua bentuk sikap yang menjadikan Brunei sebuah negara yang sangat-sangat disenangi lagi dihormati."

boleh disebut sebagai tidak patriotik.

Baginda penuh percaya jika rakyat dan penduduk Brunei padat dengan kesetiaan dan memiliki semangat patriotik sudah barang tentu perkara itu tidak mungkin berlaku kerana kepentingan negara sudah setentunya akan diutamakan melebihi daripada kepentingan diri sendiri.

Seterusnya baginda mengingatkan supaya para penuntut benar-benar bersikap bulat kepada Brunei. Jangan sumbing atau cacat. Biar kita tetap bulat supaya berjaya.

Negara Brunei Darussalam sememangnya amat memerlukan orang-orang cerdik pandai dari kalangan warganya sendiri. Oleh kerana itu kerajaan sanggup berbelanja besar untuk menghantar penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai bagi mendapatkan kelayakan-kelayakan tertentu di dalam bidang-bidang yang diperlukan, tetapi sayangnya terdapat mereka yang enggan pulang untuk berkhidmat di tanahair sendiri.

Baginda seterusnya berharap agar sikap kurang bagus itu janganlah berterusan dan perlu segera berakhir dan digantikan dengan sikap Brunei tulen yang mana suka mematuhi janji dan pandai membalaik budi.

Baginda seterusnya berharap agar sikap kurang bagus itu janganlah berterusan dan perlu segera berakhir dan digantikan dengan sikap Brunei tulen yang mana suka mematuhi janji dan pandai membalaik budi.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman merasmikan Pelancaran Kad Debit Visa HSBC dan Pesta HSBC, berlangsung di Times Squares, Berakas. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN. - The Hongkong and Shanghai Bank Corporation (HSBC) telah melancarkan Kad Debit Visa HSBC dan Pesta HSBC.

Menteri Pembangunan, Yang Ber-

Kontrak pembekalan 12 helikopter ditandatangani

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kementerian Pertahanan menandatangani satu lagi kontrak bagi Projek Support Helicopter Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan Sikorsky International Operations Inc.

Di bawah kontrak berkenaan, ia menggariskan perjanjian bagi pembekalan 12 buah pesawat helikopter S-70i BLACK HAWK yang dijangka akan dilaksanakan penghantarnanya pada tahun 2013 hingga 2015.

Selain itu, kontrak berkenaan juga menyediakan opsyen bagi Kementerian Pertahanan untuk membuat pembelian tambahan pesawat tersebut pada masa akan datang.

Pembekalan pesawat-pesawat baru ini dijangka akan meningkatkan lagi keupayaan gerakan ketenteraan dan kemanusiaan ABDB dalam memenuhi kewajipan dalam negeri serta kewajipan antarabangsa.

Sehubungan dengan penandatanganan kontrak ini, Kementerian Pertahanan juga telah memeterai perjanjian dengan Syarikat Helicopter Support Inc., salah satu anak Syarikat Sikorsky Aircraft Corporation bagi pembekalan alat ganti dan khidmat bantuan kepada pesawat-pesawat helikopter yang akan dibekalkan nanti.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian bagi Projek Support Helicopter ABDB dengan Sikorsky International Operations Inc. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Menteri Pembangunan lancarkan Kad Debit Visa

hormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman merasmikan Pelancaran Kad Debit Visa HSBC dan Pesta HSBC, berlangsung di bangunan Times Square, Berakas pada 2 Disember 2011.

Turut hadir pada pelancaran tersebut ialah Ketua Perbankan Korporat HSBC Brunei, Awang Rosdi Amin bin Yaakub juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif HSBC; Ketua Pemasaran Jualan dan Pengurusan Harta HSBC, Lyndsay Rajah serta Pengurus Pemasaran Kanan dan Kumpulan Komunikasi, Lim Kian Chiong.

Lyndsay Rajah dalam ucapannya menyatakan, tema bagi Pesta HSBC tahun ini ialah 'Let's Talk Future With HSBC' yang akan memperkenalkan maskot terbarunya iaitu 8-S-B-3 yang mana pesta juga diseluruh dengan pelancaran kad debit berkenaan yang menawarkan peluang kepada pemegang kad untuk memenangi pakej pelancongan bagi dua orang ke mana-

mana destinasi membeli-belah yang diminati sama ada London, Milan, Paris, Hong Kong atau New York dengan perbelanjaan wang sebanyak BND5,000.

Setiap bulan hingga Februari 2012, katanya, pelanggan juga berpeluang memenangi rebat tunai sebanyak BND500 ke atas dalam perbelanjaan kad debit mereka yang mana para pelanggan hanya perlu menggunakan Kad Debit Visa HSBC mereka masing-masing.

"Untuk menyemarakkan lagi Promosi Kad Debit Visa HSBC ini, kami juga mengadakan Pertandingan Penulisan Jingle bagi promosi berkenaan dibukakan kepada sesiapa yang ingin menunjukkan bakat muzik dalam penulisan Jingle dan pemenang akan berpeluang membawa pulang wang tunai BND500, telefon bimbit, di samping pilihan Jingle terbaik itu juga akan ke udara di stesen radio-radio tempatan bermula Januari 2012 nanti," jelas beliau.

Beliau menambah, para pelanggan juga boleh mengambil kesempatan daripada promosi eksklusif yang menawarkan peluang untuk memenangi *luxurious time-pieces* seperti Rolex dan Cartier jika mendaftar bagi

mana-mana produk pengurusan kekayaan, produk pinjaman, HSBC Advance atau HSBC Premier.

Seterusnya, beliau menjelaskan, potensi pembeli rumah juga akan menikmati ganjaran yang dijamin di bawah promosi pinjaman rumah semasa yang mana salah satu daripada sepuluh pelanggan pertama akan membawa pulang sebuah TV LCD 47 inci.

Pesta tiga hari yang mengadakan pelbagai aktiviti dikhushuskan bagi semua peringkat umur terutama keluarga dan anak-anak mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti seperti Comet Toss, Golf Putting, Hula Hoops, Future Themed Drees-up, Guess the Meteor dan lain-lain dengan hadiah-hadiah yang dimenangi terdiri pada telefon bimbit dan alat barang dagangan HSBC.

Selain itu, pesta tersebut juga menyediakan permainan bagi sudut kanak-kanak dan berpeluang menyertai pertandingan mewarna bagi yang berumur lima hingga lapan tahun dan sembilan hingga 12 tahun untuk memenangi baucer di Toys R Us.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Pesta HSBC boleh melayari laman web www.hsbc.com.bn.

Terima kunjungan rombongan Perhimpunan Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menerima cendera hati daripada Naib Pengurus Jawatankuasa Pertahanan dan Keselamatan, Perhimpunan Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam, Yang Berhormat Tuan Tran Dinh Nha.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Disember. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Naib Pengurus Jawatankuasa Pertahanan dan Keselamatan, Perhimpunan Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam, Yang Berhormat Tuan Tran Dinh Nha. Kunjungan hormat berlangsung di Hotel Radisson di ibu negara.

Yang Berhormat yang mengetuai delegasi seramai sebelas orang ahli itu berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja selama empat hari.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar dan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Jurufoto disaran sertai pembangunan industri kreatif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adinah binti Othman berucap dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Fotografi (PFNBD) Negara Brunei Darussalam Ke-33 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 11 Disember. - Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adinah binti Othman menyampaikan hadiah kepada para jurufoto supaya akan ikut serta dalam pembangunan in-

dustri kreatif di negara ini yang memerlukan peranan semua lapisan masyarakat.

"Kita mengakui bahawa sifat kreativiti tidak terdapat dalam jiwa semua insan. Namun saya percaya ramai dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang mempunyai sifat kreativiti akan tetapi mereka kurang mengetahui bagaimana untuk menyalurkan dan bagaimana untuk menyampaikan kreativiti mereka dalam bentuk seni."

"Mereka memerlukan persekitaran yang membolehkan *enabling environment* untuk membantu mereka mencari sifat yang terpendam dalam jiwa mereka. *Enabling environment* yang dimaksudkan harus disediakan oleh semua pihak yang berkecimpung bermula dari bangku sekolah dan sehingga mereka dewasa," jelasnya semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung Pertu-

Yang Mulia juga menambah, fotografi sebagai bentuk seni juga memerlukan kreativiti daripada jurufoto yang mana seni fotografi adalah gabungan antara teknologi dan seni kreativiti yang menjalani beberapa proses dan teknik sehingga memberikan *character* dan bentuk dan pada akhirnya memberikan hasil visual yang indah.

"Seorang jurufoto yang sensitif terhadap sekeliling sama ada terhadap kombinasi warna, susunan, bentuk, perasaan dan peristiwa yang berlaku pada sekitarnya yang dapat menangkap emosi ini dalam karyanya boleh meningkatkan rasa kesedihan, kegembiraan, kemarahan, takut, terharu dan sebagainya," katanya.

Terdahulu dari itu, Yang Mulia menjelaskan, fotografi tergolong dalam kumpulan seni apabila aspek teknikal digunakan untuk mencerminkan dan menyampaikan emosi dalam subjek yang digambarkan, manakala aspek saintifik fotografi adalah penting, tetapi yang membezakan gambar yang cemerlang dari segi seni dibandingkan dengan gambar yang cemerlang dari segi saintifik atau teknik adalah daripada emosi yang dapat ditangkap oleh jurufoto.

Yang Mulia juga menambah, fotografi sebagai bentuk seni juga memerlukan kreativiti daripada jurufoto yang mana seni fotografi adalah gabungan antara teknologi dan seni kreativiti yang menjalani beberapa proses dan teknik sehingga memberikan *character* dan bentuk dan pada akhirnya memberikan hasil visual yang indah.



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyaksikan PFNBD Ke-3.

"MEREKA memerlukan persekitaran yang membolehkan 'enabling environment' untuk membantu mereka mencari sifat yang terpendam dalam jiwa mereka. 'Enabling environment' yang dimaksudkan harus disediakan oleh semua pihak yang berkenaan bermula dari bangku sekolah dan sehingga mereka dewasa."

- **Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan**

SMS Brunei Prihatin kutip BND67,027



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adinah binti Othman menerima cek daripada Timbalan Ketua Program Eksekutif B-Mobile Communication Sdn Bhd, Sei Wei Kit.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Disember. - SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan berjaya mengutip derma berjumlah BND67,027.

Kutipan yang bermula dari 3 Ogos hingga 15 September 2011 hasil dari sumbangan SMS melalui DST sebanyak BND38,521 dan selebihnya BND28,506 pula dari B-Mobile Communication Sdn Bhd.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adinah binti Othman menerima sumbangan tersebut dalam Majlis Penyerahan Derma SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung



YANG Mulia menerima cek daripada Pengarah bagi Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Syarikat DSTCom, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof.

jah Misnah binti Haji Bolhassan serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Derma SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan bermula pada tahun 2005 dan projek pada tahun ini merupakan kali yang ketujuh diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, DSTCom

dan B-Mobile bertujuan untuk memudahkan orang ramai beramal menderma dengan seangkat-angkat hati melalui SMS ke tabung berkenaan.

Jawatankuasa Projek Derma SMS Brunei Prihatin untuk tabung berkenaan sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para dermawan atas sumbangan mereka itu.

DERMA SMS Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan bermula pada tahun 2005 dan projek pada tahun ini merupakan kali yang ketujuh diungkayahkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, DSTCom dan B-Mobile Sdn. Bhd. bertujuan untuk memudahkan orang ramai beramal menderma dengan seangkat-angkat hati melalui SMS ke tabung berkenaan.

Projek Rintis i-CLID dilancarkan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallli

KUALA BELAIT, Sabtu, 10 Disember. - Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Diagadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha melancarkan Projek Rintis Identifikasi Kebenaran Pintar (Intelligent Clearance ID Tag / i-CLID) di Pos Kawalan Sungai Tujuh, di sini.

Projek i-CLID dihasilkan bagi memudahkan perdagangan menyeberang sempadan dan pergerakan barang dan

kenderaan dalam kawasan wilayah BIMP-EAGA untuk membantu tonggak BIMP-EAGA dalam meningkatkan perhubungan.

Projek i-CLID menggabungkan penggunaan teknologi RFID dan web merupakan salah satu kaedah penyelesaian dalam memberikan kemudahan kepada pihak-pihak berkuasa bagi mengawal aktiviti menyeberang sempadan di pos kawalan.

Melalui projek rintis tersebut yang mengambil masa selama enam bulan mengandungi kajian, ran-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Diagadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha memasang Intelligent Clearance ID Tag pada sebuah kenderaan komersial.

Disiplinkan diri, amalkan cara hidup sihat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof berucap dalam Majlis Program Mukim Sihat Bagi Mukim Amo. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

TEMBURONG, Ahad, 11 Disember. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof mengu-

langi saranannya supaya orang ramai mengambil langkah-langkah pencegahan, pengawalan dan yang lebih penting menyedarkan dan mendisiplinkan diri sendiri dengan mengamalkan cara hidup sihat setiap hari.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Yang Berhormat mengulangi saranannya itu dalam Majlis Program Mukim Sihat Bagi Mukim Amo, berlangsung di Balai Raya Kampung Sibut, Mukim Amo, di sini.

"Kenyataan ini adalah terbukti mengikut kajian-kajian yang telah dilaksanakan bahawa penyakit-penyakit kronik boleh kita hindarkan dan cegah jika kita mengamalkan dan membudayakan cara hidup sihat seperti mengambil pemakanan yang seimbang, yang kurang lemak, kurang gula, kurang garam, lebih banyak memakan sayur-sayuran dan buah-buahan, tidak merokok, tidak minum arak dan sentiasa mengamalkan kegiatan aktiviti fizikal yang bersesuaian dan kerap, sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari dan sekurang-kurangnya lima kali dalam

seminggu," ujar Yang Berhormat.

Kesemua ciri-ciri mengamalkan cara hidup sihat itu, jelas Yang Berhormat, adalah asas yang sangat penting bagi memastikan kita sentiasa berada dalam keadaan sihat, cergas dan produktif yang dapat menjamin kualiti dan kesejahteraan hidup kita.

"Ini adalah salah satu daripada langkah strategi Kementerian Kesihatan secara berterusan dalam mencegah dan mengawal penyakit-penyakit kronik dan tidak berjangkit dan juga mempromosi penjagaan kesihatan untuk membudayakan cara hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat seperti Program Mukim Sihat di Mukim-Mukim di seluruh negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Langkah-langkah pengecehan, pengawalan, mempromosi penjagaan kesihatan dan mengenal pasti pengesanan awal penyakit-penyakit kronik itu juga, menurut Yang Berhormat, menjadi keutamaan dasar Kementerian Kesihatan kerana ia adalah tata cara yang kos efektif dan terbukti keberkesanannya yang diguna pakai oleh kebanyakan negara berdasarkan kepada sokongan kuat dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), termasuk juga memberikan perkhidmatan kesihatan asasi secara penyeluruhan, mudah didapati dan saksama.

Yang Berhormat juga mendedahkan hasil kajian WHO, bahawa dengan mengamalkan cara hidup sihat akan dapat mencegah 80 peratus daripada kematian pramatang yang diakibatkan oleh penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit seperti penyakit jantung, strok yang mana empat jenis penyakit itu menjadi punca utama kematian selama lebih sedekad iaitu bermula sekitar tahun 2000 hingga masa kini.

manis dan kanser.

Penyakit-penyakit tersebut, kata Yang Berhormat, amat membimbangkan dan menjadi beban yang sangat mencabar bukan saja kepada negara-negara di seluruh dunia, tetapi juga pada peringkat global dan WHO.

Negara Brunei Darussalam, kata Yang Berhormat, juga turut merasakan kebimbangan dan beban ancaman penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit iaitu kanser, penyakit jantung, diabetes dan strok yang mana empat jenis penyakit itu menjadi punca utama kematian selama lebih sedekad iaitu bermula sekitar tahun 2000 hingga masa kini.

"Misalnya pada tahun 2010, seramai 637 orang meninggal dunia akibat penyakit kanser, penyakit jantung, penyakit diabetes, penyakit tekanan darah tinggi dan strok dan hampir 2,000 pesakit di-

masukkan ke wad-wad hospital untuk rawatan selanjutnya," kata Yang Berhormat.

Jika penyakit-penyakit sedemikian menjadi semakin kronik dan kompleks, kata Yang Berhormat, sudah setentunya ia memerlukan intervensi yang lebih sofistikated dan rawatan berpanjangan yang meningkatkan beban kos perbelanjaan perubatan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Namun, menurut Yang Berhormat, risiko dan akibatnya akan lebih dirasai oleh pesakit itu sendiri yang menjadikan kesihatan, kesejahteraan, pendapatan dan kualiti kehidupan, malahan juga menjadi beban kepada keluarga pesakit dan kemungkinan akan menderita sepanjang hayat.

Mempromosi gaya hidup sihat di Mukim Amo



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof menyaksikan pameran dalam Program Mukim Sihat Bagi Mukim Amo. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

TEMBURONG, Ahad, 11 Disember. - Kementerian Kesihatan terus komited dalam usaha untuk mempromosi gaya hidup sihat antaranya dengan mengungkapkan Program Mukim Sihat bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai akan betapa pentingnya menjaga kesihatan.

Program berkenaan juga dilaratkan ke daerah ini dengan tumpuan utama kali ini di Mukim Amo.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Program Mukim Sihat Bagi Mukim Amo di Balai Raya

Kampung Sibut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

Program Mukim Sihat yang diadakan buat kali ke-4 di daerah ini antara lain menekankan pentingnya melakukan kegiatan fizikal setiap hari dan mengamalkan pemakanan sihat, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai isu-isu kesihatan seperti amalan cara hidup sihat dan kesedaran akan

bahayanya penyakit-penyakit kronik.

Dengan adanya program yang menjurus ke arah gaya hidup sihat akan dapat membantu dalam mengorak langkah dengan lebih bersepada untuk mencapai usaha mengelakkan tahap kesihatan dan kesejahteraan mukim-mukim di daerah ini.

Program Mukim Sihat Bagi Mukim Amo yang diungkapkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Amo dan Jabatan Belia dan Sukan antara lain memuatkan pelbagai

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

aktiviti seperti senamrobik beramai-ramai, walkaton sejauh empat kilometer, pemeriksaan kesihatan dan pameran kesihatan, peraduan masakan sihat dan pameran serta jualan buah-buahan tempatan.

Antara yang hadir pada program tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abd. Momin dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman.

Hari Terbuka sempena Hari Diabetes Sedunia

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 10 Disember. - Bagi meningkatkan kesedaran terhadap penyakit diabetes dalam kalangan orang awam dan penghidap-penghidap penyakit diabetes, Hospital Suri Seri Begawan (SSB) telah mengadakan Hari Terbuka hospital berkenaan.

Hari Terbuka sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia bertema 'Bertindak Untuk Diabetes Sekarang' telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof di kawasan ruang legar hospital berkenaan, merupakan kesinambungan pada Majlis Pelancaran Hari

Diabetes Sedunia yang telah diadakan pada bulan November 2011.

Antara aktiviti yang diadakan semasa Hari Terbuka itu termasuk pameran-pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan, peraduan penyediaan makanan sihat, pelancaran sudut makanan sihat, pelancaran papan tanda penghargaan, pameran-pameran mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di hospital tersebut dan pameran dan penjualan daripada syarikat-syarikat swasta yang terlibat.

Beliau seterusnya merangkul pencapaian hospital tersebut antaranya sejak tahun 2009, Klinik Pakar Perubatan Hospital telah mengendalikan Program Kesedaran Kesihatan 'Teraja' khusus bagi pesakit diabetes. Ia salah satu inisiatif hospital bagi membantu pesakit diabetes dan ahli keluarga mereka dalam menangani penyakit diabetes.

Pengerusi Bersama majlis, Dayang Sadiah binti Haji Mohadi dalam ucapan alu-aluannya berharap aktiviti-aktiviti berkenaan akan dapat memberikan pengetahuan

serta informasi dan meningkatkan lagi kesedaran orang awam mengenai penyakit diabetes.

Di samping itu, beliau berkata, orang awam akan dapat mengetahui mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di hospital tersebut dan pameran dan penjualan daripada syarikat-syarikat swasta yang terlibat.

Beliau seterusnya merangkul pencapaian hospital tersebut antaranya sejak tahun 2009, Klinik Pakar Perubatan Hospital telah mengendalikan Program Kesedaran Kesihatan 'Teraja' khusus bagi pesakit diabetes. Ia salah satu inisiatif hospital bagi membantu pesakit diabetes dan ahli keluarga mereka dalam menangani penyakit diabetes.

"Program ini dapat

membantu meningkatkan kesedaran, motivasi, keyakinan dan iltizam diri pesakit agar mengelakkan kejayaan dalam menguruskan kehidupan sehari-hari mereka dan juga mengelakkan daripada terjadinya komplikasi-komplikasi diabetes seperti penyakit Kardiovaskular, penyakit buah pinggang, kerosakan urat saraf, hilang penglihatan dan pengudungan anggota badan," jelas beliau.

Beliau menambah program kesedaran kesihatan tersebut akan diteruskan pada tahun hadapan dan ketika ini klinik pakar perubatan dalam perancangan untuk mengadakan program kesedaran kesihatan untuk mereka yang mempunyai penyakit tekanan darah tinggi.

Antara yang hadir pada Hari Terbuka tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof menyatakan sesuatu ketika melawat pameran penyediaan makanan sihat.

Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abd. Momin.

Hari Terbuka antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan orang awam tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan

penyakit-penyakit kronik khususnya penyakit diabetes dan membantu pesakit menjadi lebih positif dan proaktif dalam menangani penyakit diabetes.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman meninjau sebuah tapak projek pembinaan di bawah Jabatan Kerja Raya. - Foto : Ihsan Kementerian Pembangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Disember. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman membuat lawatan ke lima Tapak-Tapak Projek Pembinaan di bawah Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat mula-mula membuat lawatan ke tempat kerja-kerja saliran

Menteri Pembangunan lawat tapak-tapak projek pembinaan

Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sungai Kedayan Fasa Lima dan tembok mencegah banjir, Kampung Menglait, Kampung Kiarong. Projek tersebut bermula September 2011 dan dijangka siap pada bulan Mac 2014. Kos kontrak projek berkenaan BND11,676,000 dan telah dianugerahkan kepada San Hin Welding and Construction Sendirian Berhad dan Jurutera.

Seterusnya, Yang Berhormat melawat ke Jejambar Lebuhraya Muara-Tutong yang menghubungkan projek Berakas Link

Interchange yang dihasilkan dapat memberikan kemudahan dan keselesaan para pengguna jalan raya.

Dengan adanya projek seumpama itu diharapkan dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya di sekitar kawasan berkenaan.

Projek telah diberikan kepada Hiew HY Construction Sendirian Berhad

dan perunding projek Petar Perunding Sendirian Berhad (PPSB) dengan kos projek sekitar BND32,728,594.41, un-

tuk tempoh 30 bulan dan dijangka selesai pada Februari 2014.

Kemudian, Yang Berhormat melawat ke Berakas dan Terunjing. Projek ini telah diberikan kepada BDR Sendirian Berhad, dengan jumlah kontrak sebanyak BND9,612,239.2 bermula bulan Mac 2009 dan dijangka siap pada bulan Mac 2012. Perunding untuk projek ini ialah Pakar Runding Sendirian Berhad. Jumlah rumah yang dibuat ialah 520 buah unit dengan 18 unit berkembar, 210 unit teres jenis 'D', 146 unit jenis teres 'E' dan 146 unit jenis teres 'F'.

Kampung Lugu. Bagi projek Infrastruktur dan Perumahan STKRJ yang terletak di Lebuhraya Muara-Tutong jalan Kampung Lugu, projek diberikan kepada Chon Tzu Malar Co. Sendirian Berhad, berharga sekitar BND65,888,888.88. Projek bermula pada bulan Oktober 2010 dan dijangka siap bulan Oktober 2013. Arkitek projek ialah Seri Sezaman Arkitek, perunding untuk projek ini ialah Petar Perunding Sendirian Berhad. Jumlah

rumah yang dibuat ialah 520 buah unit dengan 18 unit berkembar, 210 unit teres jenis 'D', 146 unit jenis teres 'E' dan 146 unit jenis teres 'F'.

Buku 'The Royal Regalia of Brunei Darussalam' diterbitkan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Muzium-Muzium Brunei menerbitkan buku 'Coffee Table Book: The Royal Regalia of Brunei Darussalam' dengan sokongan DST Group sebagai penaja dan Digital Impressions Negara Brunei Darussalam sebagai penyelaras.

Majlis Penyerahan 'Coffee Table Book' tersebut berlangsung di Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja pada 5 Disember 2011, disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, selaku tetamu kehormat.

Majlis penyerahan buku tersebut disampaikan oleh Penasihat Digital Impressions, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas kepada Ahli Lembaga Pengarah DST Group, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof yang kemudian menyerahkannya kepada Pengarah

Muzium-Muzium, Awang Bantong bin Antaran.

Terdahulu daripada itu, Dato Paduka Awang Haji Idris dalam ucapannya menjelaskan, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja (Royal Regalia) telah mencapai usia kira-kira 20 tahun dan ia memainkan peranan penting dalam menyediakan pameran mengenai Alat-alat Kebesaran Diraja Negara Brunei Darussalam dengan membezirkan informasi, bahan-bahan pembelajaran, rujukan dan juga memberikan inspirasi dan hiburan bagi penduduk tempatan dan para pengunjung serta pelancong dari luar negara.

"Antara objektif pulication buku kenangan itu adalah akan meningkatkan lagi minat dan penghargaan serta kesetiaan kepada raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerabat diraja dan keturunannya sejak lebih daripada 600 tahun yang lalu, di samping mengenangkan peranan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja itu sebagai sumber rujukan dan pusat pembelajaran bagi sejarah diraja, kerabat diraja dan perlembagaan negara serta konsep Melayu Islam Beraja (MIB)," ujarnya.

Selain itu, katanya, ia juga untuk menggambarkan sejarah kegemilangan pemerintah dan sistem beraja di negara ini selain mempromosikan bangunan berkenaan sebagai satu tempat menarik bagi pelancong luar dan dalam negara juga dalam menyediakan souvenir kenangan.

Pengarah Muzium-Muzium pula dalam ucapan-

nya menyatakan, penghasilan 'Coffee Table Book' itu merupakan antara usaha Jabatan Muzium-Muzium memperkenalkan muzium-muzium dan dewan-dewan pameran di bawah pentadbiran jabatan itu supaya diketahui dan dikunjungi oleh orang ramai sebagai tempat menimbul ilmu pengetahuan dan mendapat maklumat mengenai dengan warisan temadun budaya dan sejarah Negara Brunei Darussalam dalam konteks, pameran Alat Kebesaran Diraja.

Melalui buku itu, katanya, dengan hiasan gambar-gambar yang menarik mengenai Alat-alat Kebesaran Diraja, pembaca dapat menikmati catatan dan gambar-gambar peralatan tersebut mengikut kesesuaian masa mereka saman santai menikmati minuman panas, di rumah dan tidak semestinya di negara ini.

"Dengan terbuktiannya buku itu akan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan alat promosi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyaksikan isi kandungan dan buku 'Coffee Table Book: The Royal Regalia of Brunei Darussalam'. - Foto : Masri Osman.

mengenai Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan menarik minat orang ramai sama ada dari ataupun luar negara untuk melancong ke negara ini dan melawat serta melihat dengan lebih dekat segala alat kebesaran yang dipamerkan di bangunan berkenaan," jelasnya.

'Coffee Table Book'

merupakan projek kedua yang diterajui oleh Jabatan Muzium-Muzium dengan Syarikat Digital Impressions dengan projek pertama penerbitan sebuah buku 'Coffee Table' 'The Brunei Museums 40th Anniversary yang diterbitkan pada tahun 2005 untuk memberi peluang pembaca menghayati dunia muzium secara lebih dekat.

Edisi terbitan buku ini dibuat dalam jumlah terhad dan dihadiahkan sempena lawatan-lawatan rasmi ke bangunan tersebut.

Jabatan Muzium-Muzium dalam masa terdekat juga akan menerbitkan semula buku itu dan dijual kepada orang ramai.

Tabung dan aktiviti amal bantu mangsa banjir Thailand-Kemboja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Disember. - Selama tiga bulan bermula 12 November 2011 hingga 11 Februari 2012, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menubuhkan satu Tabung Bantuan Bagi Membantu Kesengsaraan dan Pendertaan Mangsa-Mangsa Banjir Thailand dan Kemboja yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan tempat-tempat yang lain.

JBS Cawangan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dengan kerjasama persatuan-persatuan belia dan sukan, kelab-kelab badan pertubuhan sukarelawan

Oleh : Nooratini Haji Abas

dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga akan mengadakan pelbagai aktiviti bagi mengutip tabung bantuan kemanusiaan mangsa-mangsa banjir kedua-dua buah negara tersebut.

Penubuhan tabung dan pelbagai aktiviti amal tersebut didedahkan oleh Ketua Cawangan JBS, DBM, Dayang Shahrinah binti Haji Abdul Rahman dalam Sidang Media yang berlangsung di Bilik Muafakat 1, Pusat Belia, di sini.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan selama empat hari bermula pada 18 Disember 2011 pukul 3.00 petang di tempat yang

sama.

Semua hasil kutipan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan, kelab-kelab badan pertubuhan sukarelawan dan NGO itu ujarnya, akan disalurkan sepenuhnya kepada tabung bantuan tersebut.

Keterangan lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Urusetia Tabung Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir Thailand dan Kemboja beralamat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan atau menghubungi talian 2222900 dan 2223936 atau faksimile 2229423.

Selain untuk membarigakan kutipan tersebut,



KETUA Cawangan Jabatan Belia dan Sukan, Daerah Brunei dan Muara, Dayang Shahrinah binti Haji Abdul Rahman menjelaskan kepada media-media tempatan mengenai aktiviti amal bagi membantu mangsa banjir Thailand dan Kemboja. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

badan pertubuhan sukarelawan dan NGO.

mengharungi sesuatu aktiviti yang akan diungkapkan serta meningkatkan lagi semangat kenessaraan jasmani dan keman-tapatan rohani supaya menjadi lebih tabah dalam

aktiviti juga bertujuan untuk mengeratkan perpaduan di kalangan pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya khasnya JBS dengan persatuan-persatuan belia dan sukan, kelab-kelab,

SATENAGA berdaya maju, mapan

MUKIM SENGKURONG, Ahad, 11 Disember. - Syarikat Kampung Tanjong Nangka (SATENAGA) merupakan sebuah koperasi yang berdaya maju dan mapan yang bergiat dalam pelbagai bidang perniagaan di negara ini.

Koperasi tersebut mengadakan majlis sempena 30 penubuhannya diselajurkan dengan pelancaran Majalah SATENAGA.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan majlis tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang berlangsung di Dewan Kemasya-

rakatan Jerudong, Jalan Jerudong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Mudim Awang Haji Abd. Latif bin Haji Saman diikuti bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Sementara itu, Pengurus SATENAGA, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dalam ucapannya antara lain menyatakan, SATENAGA pada asalnya ditubuhkan dengan berdaftar di bawah pendaftaran persatuan-persatuan atas nama 'Kedai Iktesad' dan pada

2 April 1980 ia didaftarkan di bawah Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Menurutnya, pada masa ini SATENAGA mempunyai beberapa cawangan perniagaan antaranya stesen minyak, perkhidmatan bas awam, ternakan ayam pedaging, pasar tani dan serba guna serta beberapa bangunan yang sedang disewa.

SATENAGA jelasnya, dapat bertahan dan mencapai kejayaan hingga hari ini adalah disebabkan ahli-ahlinya yang sentiasa bersatu hati dan bersefahaman dalam membuat sesuatu keputusan yang terbaik

demi memelihara, mempertahankan dan memajukan SATENAGA.

Dalam majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan Anugerah Tokoh SATENAGA kepada Pengurus SATENAGA, sijil penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi SATENAGA, sumbangan kepada warga-warga emas, derma kepada anak-anak yatim dan orang berkeperluan khas.

Manakala hadiah pertandingan memasak, gubahan bunga hidup dan buah-buahan disampaikan oleh Pengurus SATENAGA.

Tetamu kehormat juga meyakinkan pameran-pameran SATENAGA dan hasil kerja tangan anak-anak buah Kampung Tanjong Nangka.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar melancarkan Majalah Koperasi Sempena 30 Tahun Penubuhan Syarikat Kampung Tanjong Nangka.
Foto : Ihsan.

Gerakan koperasi mampu menjana ekonomi

MUKIM SENGKURONG, Ahad, 11 Disember. - Kemampuan gerakan koperasi dalam menjana ekonomi ahli-ahlinya khususnya dan kepada pembangunan negara memang sudah diakui dan hal tersebut dinyatakan secara rasmi oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan pengisytiharan harannya yang menjadi tahun 2012 sebagai Tahun Antarabangsa Bagi Koperasi (International Year of the Cooperatives).

Dengan pengisytiharan tersebut, menunjukkan keupayaan gerakan koperasi dalam membantu memperkembangkan ekonomi sesebuah negara.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang

Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan perkara tersebut dalam Majlis Sempena 30 Tahun Penubuhan Syarikat Kampung Tanjong Nangka (SATENAGA) berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Jerudong, Jalan Jerudong, di sini.

Menurut Yang Berhormat, sejak SATENAGA didaftarkan dan mencapai usianya 30 tahun, penglibatannya dalam koperasi telah berjaya menerokai bidang-bidang perniagaan, dimulakan dengan perkhidmatan stesen minyak.

Sehingga ke hari ini tambahnya, SATENAGA berjaya menjalankan aktiviti perkhidmatan pengangkutan, ternakan ayam, bangunan, pasar tani dan lain-lain yang mana membolehkannya membayar



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya hadir dalam Majlis Sempena 30 Tahun Penubuhan Syarikat Kampung Tanjong Nangka dan Pelancaran Majalah Koperasi tersebut.
Foto : Ihsan.

dividen kepada ahli-ahlinya pada setiap tahun.

"SATENAGA juga menerima beberapa anugerah dan sijil-sijil penghargaan di atas pencapaian dan kejayaannya dalam bidang-bidang tertentu," ujar Yang Berhormat.

Kejayaan tersebut jelas-

nya, bersumber daripada usaha gigih ahli-ahli lembaga pengarhanya dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin, di samping sokongan dan penglibatan ahli-ahli SATENAGA.

Yang Berhormat sete-

jaya dan terkenal serta boleh dikenali di negara ini selain memainkan peranan penting di rantau ini dan juga di arena antarabangsa.

Dalam usaha ke arah ini, Yang Berhormat menyatakan SATENAGA perlu bersiap sedia dengan membuat perubahan dan perkembangan yang lebih produktif seperti menggunakan teknologi yang lebih moden, melibatkan generasi muda bagi memastikan kesinambungan SATENAGA yang telah dibangun dan dipimpin oleh ahli-ahli lembaga pengarhan yang berpengalaman dan berwibawa.

"Salah satu faktor kejayaan koperasi adalah daripada pengurusan yang profesional dan efisien," terangnya lagi.

Di atas kejayaan yang dicapai SATENAGA selama 30 tahun tersebut, Yang Berhormat berharap supaya mereka akan dapat meningkatkan lagi kualiti pengurusan yang lebih profesional semata-mata untuk menjamin perjalanan dan urus niaga koperasi yang lebih teratur dan berkembang serta dapat menghasilkan pulangan yang lebih baik daripada anggota dan SATENAGA.

27 peserta terima sijil Program Perkembangan Eksekutif Ke-8

Oleh :
Abdullah Asgar

yang teras.

Kepelbagai latar belakang para peserta dapat membawakan prespektif dan pengalaman yang berbeza dalam kefahaman dasar dan isu-isu.

Dalam majlis itu, wakil daripada NUS, Profesor Jeffrey Straussman juga menyampaikan ucapan dan disusuli dengan ucapan tetamu kehormat serta diakhiri dengan bacaan doa.

Antara yang hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, perwakilan asing di negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyampaikan cendera mata kepada seorang peserta Program Perkembangan Eksekutif Ke-8.
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Program Pertukaran Lawatan Pegawai-Pegawai Kanan Antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Ke-13



BERGAMBAR RAMAI ... Setiausaha Tetap Jabatan Pertahanan, Awang Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam selaku ketua rombongan bagi pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang mengadakan lawatan ke Malaysia pada 1 hingga 4 Disember 2011 bagi Program Pertukaran Lawatan Pegawai-Pegawai Kanan Antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Ke-13, 2011 di Kuala Lumpur, Malaysia. - Foto : Ihsan Jabatan Perdana Menteri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 Disember. - Seramai 27 peserta Program Perkembangan Eksekutif Ke-8 anjuran Kementerian Pertahanan telah menamatkan program dan menerima sijil masing-masing.

Program yang disertai oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan, kementerian dan jabatan kerajaan, Pasukan Polis Diraja Brunei, China, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam selama tiga bulan itu dikendalikan bersama Maktab Turus, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan kerjasama Lee Kuan Yew of Public Policy, National Universiti Singapura, (NUS).

Hadir menyampaikan sijil di Maktab Turus Perkhidmatan Sungai Akar di sini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat selaku tetamu kehormat.

Selain menjalani program dalam negeri, para peserta juga membuat lawatan sambil belajar ke Republik Singapura dengan didedahkan pada amalan-amalan dasar dan contoh pengurusan terbaik daripada beberapa institusi di negara tersebut.

Program itu telah mula dikenalkan pada tahun 2004 dengan kerjasama NUS yang memberikan pesertanya konsep rangka kerja yang canggih dan terkini untuk kejayaan yang berterusan dalam perkembangan.

Peserta program tersebut telah berjaya meneroka trend dalam amalan pengurusan, mendapat perspektif baru mengenai dasar awam dan pengurusan serta meningkatkan kemahiran kepimpinan

Al-Qur'an menguatkan umat Islam

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Disember. - Umat Islam akan menjadi kuat jika berpegang teguh kepada Al-Qur'an dan akan menjadi lemah jika melepaskan dan meninggalkan Al-Qur'an, ini kerana Al-Qur'an itu adalah mukjizat teragung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengatasi segala mukjizat-mukjizat yang lain.

"Sebagai mukjizat, ia mempunyai power yang hebat atau kuasa kerohanian yang tinggi bagi yang membacanya, hatta sekalipun pembaca itu tidak faham maknanya," demikian jelas Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan tazkirahnya dalam Majlis Tazkirah Muhamram Sempena Awal Muhamram 1433 Hijriah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada majlis yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Yang Berhormat menambah pada masa ini soal untuk memahami makna dan tafsirannya bukanlah soal berat seperti pada zaman silam, kerana makna dan tafsir Al-Qur'an itu sudah banyak tersebar di mana-mana dan dalam pelbagai bahasa berbentuk buku atau

dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), radio dan televisyen.

Memandangkan Al-Qur'an itu mukjizat, maka pembacanya, terang Menteri Hal Ehwal Ugama pasti akan mendapat berkat dan hidayah dan syafaat (pertolongan) di dunia dan di Akhirat.

Antara empat faedah atau keuntungan yang akan diperolehi jika rajin membaca Al-Qur'an baik secara persendirian maupun beramai-ramai, tambah Yang Berhormat, setiap pembacanya akan memperolehi sesuatu yang memang dicari-cari dan dirindui dalam hidup iaitu pertama ketenangan; kedua, cepat pandai menguasai tulisan Jawi; ketiga ianya akan menyelamatkan dan menolong umat Islam di dunia dan di Akhirat dan faedah terakhir ialah dengan membacanya umat Islam

di negara ini telah menyokong falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB).

"Dalam konteks umat Islam di Negara Brunei Darussalam, setiap individu Muslim di Negara Brunei Darussalam perlulah pandai Al-Qur'an dan setiap individu rakyat Brunei dan setiap penduduk di negara ini perlulah mengamalkan MIB sebagai pakaian dan jati diri. Hanya dengan cara ini kita akan selamat berbangsa, bernegara, beragama dan beraja," jelas Yang Berhormat lagi.

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyampaikan tazkirahnya dalam Majlis Tazkirah Muhamram Sempena Awal Muhamram Hijriah 1433.



Majlis Tazkirah Muhamram meriahkan Sambutan Awal Tahun Hijriah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir pada Majlis Tazkirah Muhamram.

Meraikan Tahun Baru Hijriah

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Peguam Negara.

Acara yang diselenggarakan oleh Jawatankuasan Acara-Acara Keagamaan Pejabat Peguam Negara yang ditubuhkan pada 8 Ogos 2011 dimulakan dengan ucapan ringkas yang disampaikan oleh Pengurus majlis, Dayang Hajah Rahayu binti Dato Paduka Haji Abdul Razak.

Majlis kemudian diserikan dengan persembahan nasyid dan Tausyh dari pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki Pejabat Peguam Negara dan acara kemuncak majlis adalah ceramah khas Awal Tahun Baru Hijriah yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuadi bin Haji Abdullah.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Awal Tahun Baru Hijriah 1433. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Disember. - Bagi memeriahkan Sambutan Awal Muhamram Tahun 1433 Hijriah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Tazkirah Muhamram yang berlangsung di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie, di sini.

Majlis Tazkirah Muhamram merupakan tazkirah bersiri bagi mengiringi acara Hari-hari Kebesaran Islam sebagai program tambahan kepada Program Pembudayaan Membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas di pejabat yang dilancarkan semula untuk fasa keduanya pada 2 Mei 2011 yang lalu bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman yang seterusnya menyampaikan tazkirah dalam majlis

berkenaan.

Terdahulu daripada itu, Pegawai Pentadbir Kanan, selaku Pengurus Majlis, Pengiran Haji Anuar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya berkata KHEU akan mengadakan Program Celik Al-Qur'an bagi pegawai dan kakitangan yang lemah dalam pembacaan Al-Qur'an yang akan bermula pada 16 Januari 2012 bertempat di Surau KHEU.

Program Celik Al-Qur'an tersebut, jelasnya, bertujuan bagi membimbing pegawai dan kakitangan KHEU celik Al-Qur'an dan seterusnya mampu untuk membaca Al-Qur'an dengan lebih baik.

"Program ini akan mendatangkan empat orang guru dan akan diadakan bagi tempoh satu tahun dan program ini termasuk di dalam 'In-House Training' di bawah kawalan Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam. Sistem pembelajaran secara iqra dan juga sistem yahyawiyyah akan digunakan iaitu mengikut kemampuan peserta yang akan mengikuti program itu

Berlepas ke Jakarta

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 11 Disember. - Persidangan Antarabangsa Media Islam Ke-2 di Jakarta, Republik Indonesia akan membincangkan tem a 'Impak Media Baru dan Teknologi Komunikasi Dalam Dunia Islam : Cabaran dan Peluang'.

Negara Brunei Darussalam pada persidangan itu diwakili oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat berlepas ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri persidangan yang akan berlangsung selama lima hari bermula 12 hingga 16 Disember 2011 itu.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar serta



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman bergambar ramai sebelum berlepas ke Jakarta bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Media Islam Ke-2 di Jakarta, Republik Indonesia. - Foto : Masri Osman.

pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan.

Menyertai rombongan Yang Berhormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid dan beberapa orang pegawai dari KHEU.

Yang Berhormat dan rombongan menghadiri persidangan itu atas undangan Menteri Hal Ehwal Agama Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Drs. Suryadharma Ali.

Semasa persidangan itu Yang Berhormat dijadualkan akan menyampaikan ucaptama dalam salah satu sesi.

Persidangan itu akan dihadiri seramai 400 perwakilan terdiri daripada menteri-menteri, para akademik, saintis dan pemerhati bagi pembentangan kertas-kertas kerja, pengamal-pengamal media dan stakeholders yang lain dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Persidangan ini dianjurkan bersama oleh KHEU Republik Indonesia dan Liga Dunia Islam, Kerajaan Arab Saudi.

Pembukaan persidangan dijangka dirasmikan oleh Presiden Republik Indonesia dan akan ditutup rasmi oleh Naib Presiden Republik Indonesia.



SEMAIAN pokok Gaharu.

PENANAMAN Gaharu merupakan satu usaha yang boleh memberikan pulangan yang besar kepada penanamnya, ianya bukan sekadar Pokok Gaharu bahkan boleh dikatakan sebagai Pokok Jutawan yang dapat mengubah taraf hidup, ekonomi atau kualiti hidup seseorang itu jika iaanya dibuat secara bersungguh-sungguh.

Di negara kita, Negara Brunei Darussalam, pokok-pokok gaharu sememangnya mendapat perlindungan daripada pihak-pihak yang tertentu memandangkan pohon ini di bawah Akta Perhutanan Brunei 1934, Bab 46 Undang-Undang Perhutanan Brunei (seksyen-seksyen 4(a), 19 dan 26A(1) dan pohon gaharu tersenarai dalam tumbuhan liar yang dilindungi dan termasuk dalam Akta Cities iaitu Convention on International Trade In Endangered Species.

Adalah menjadi kesalahan memiliki ataupun mengambil hasil hutan tanpa permit, denda akan dikenakan BND500,000 ataupun lima (5) tahun penjara ataupun kedua-duanya sekali, Akta Tumbuhan Liar Fauna dan Flora 2007. Salah satu alternatif yang dilakukan ialah dengan mengkomersialkan tanaman gaharu tersebut.

Syarikat Gaharu Berjaya Resources yang dimiliki oleh Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Dollah, selaku Pengarah Urusan merupakan syarikat yang begitu aktif memberikan sumbangan pohon-pohon gaharu kepada pelbagai pihak kerajaan dan agensi di negara ini. Ianya mula ditubuhkan pada tahun 2010 dan mula berkecimpung dalam bidang ini dari tahun 2005.

Gaharu Brunei, selain iaanya aktif dalam memberikan sumbangan pohon-pohon gaharu kepada pelbagai pihak, syarikat ini juga turut aktif dalam memberikan maklumat dan penerangan tentang kegunaan pohon gaharu daripada aspek pengenalan, penjagaan, pemeliharaan dan juga produk-produk yang boleh dihasilkan dan ianya bertujuan agar orang ramai sedar tentang pentingnya memelihara serta menjaga spesies pohon gaharu, sekali gus akan dapat turut sama dalam penanaman semula pohon gaharu bagi menjamin generasi pohon ini akan dapat berterusan.

Gaharu Berjaya Resources juga mulakan penjualan bibit gaharu untuk tanaman komersial yang tidak hanya terhad di kawasan persendirian mahupun kawasan bangunan-bangunan awam, bahkan, Syarikat Gaharu Berjaya Resources juga mulakan tanaman di luar negara iaitu Republik Indonesia seperti di Daerah Bogor, Medan, Lombok dan Aceh selain Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Kelantan,

Kedah, Perak, Pahang dan Selangor.

Penyelia Pentadbiran dan Pemasaran Syarikat Gaharu Berjaya Resources, Awangku Indra Yura bin Pengiran Anak Haji Metussin ketika ditemu bual menjelaskan, Gaharu Brunei ingin mengkomersialkan satu juta pokok dalam masa lima ke tujuh tahun di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai dengan jumlah penanam gaharu yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, beliau menjelaskan sejauh ini iaanya sudah mencapai lebih kepada 500 orang yang melibatkan diri dalam penanaman gaharu dan setiap pembeli dari Syarikat Gaharu Berjaya Resources juga akan menerima sijil penanam yang disertakan oleh syarikat ini oleh syarikat beliau.

Selain itu, Penyelia Pentadbiran dan Pemasaran Syarikat Gaharu Berjaya Resources juga menjelaskan anggaran kadar pembelian pokok gaharu yang ditanam melalui Gaharu Brunei setelah tempoh matang iaitu lima ke tujuh tahun ialah BND500 ke BND800 sepohon.

Syarikat Gaharu Berjaya Resources, tambahnya, juga turut menggalakkan tanaman secara meluas di ini khasnya dan Asia Tenggara amnya, semata-mata untuk membantu dalam menaikkan taraf hidup bagi setiap orang yang bertanam dan seterusnya bagi memenuhi kehendak pasaran dunia yang tidak mencukupi.

“Bahkan dengan adanya tanaman secara meluas di negara kita, ianya dengan sendirinya dapat membantu rakyat kita dalam mempertingkatkan lagi kualiti dan ekonomi kehidupan mereka dan ini juga turut membantu kerajaan dalam membasi kemiskinan dan sebagai satu perniagaan yang menguntungkan,” jelasnya.

Menyentuh mengenai dengan Misi dan Visi syarikat ini dalam mengkomersialkan pohon gaharu, Awangku Indra Yura turut menjelaskan, Misi syarikat ini adalah dalam jangka masa lima ke tujuh tahun ini bertanam sebanyak satu juta pohon untuk memenuhi permintaan negara pengimport dan syarikat ini juga turut menyumbangkan pohon-pohon gaharu pada setiap bangunan-bangunan kerajaan, masjid serta balai ibadat, pusat kebajikan dan juga sekolah-sekolah di negara kita khasnya dan di Asia Tenggara amnya dan dengan secara tidak langsung kita juga turut mengekalkan warisan pokok gaharu daripada pupus.

Sementara itu, Misi terbesar Syarikat Gaharu Berjaya Resources, jelasnya, adalah untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat ataupun HUB bagi perkumpulan gaharu yang terbesar di Asia

Pokok Gaharu berikan pulangan lumayan

malah di seluruh dunia, di samping turut membuat produk-produk dari gaharu, hasil dari Negara Brunei Darussalam.

“Setelah Gaharu Brunei dapat menjadikan pusat pengumpulan gaharu terbesar di negara ini nanti, anggaran 80 peratus permintaan dunia akan cuba dihasilkan, oleh kerana permintaan dunia dalam masa 30 tahun kebelakangan ini masih tidak mencukupi iaitu kurang dari 20 peratus. Sasaran nilai eksport Gaharu Brunei dijangkakan USD4.8 bilion, iaitu dengan mencapai pendapatan lebih kurang BND 6 bilion setahun dan dengan sendirinya produk ini juga boleh membantu ekonomi negara selain minyak dan gas yang ada sekarang dan juga dapat membuka peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan (Brunei) khasnya bekerja di kilang produk yang dihasilkan nanti, selain kualiti yang cukup tinggi, gaharu yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah yang terbaik di Asia Tenggara dengan harga yang mencapai empat kali ganda lebih mahal berbanding lahan negara.

Selain itu, tambahnya, dalam masyarakat Melayu kita memanglah tidak dapat diindahkan tentang pohon gaharu ini yang mana pada zaman dahulu ia merupakan barang yang amat berharga dalam perdagangan antarabangsa hingga pada zaman moden kini.

Misi syarikat ini pula, terang beliau, adalah untuk menjadikan perusahaan tempatan yang pertama menghasilkan tanaman gaharu sebagai salah satu produk eksport tinggi nilai pada buatan Negara Brunei Darussalam seperti Minyak Wangi, Teh Hijau, Sabun, Ubat Gigi, Barang Kosmetik, Wangian Spa, Tasbih, Sejadah, Setangi barang hiasan dan banyak lagi.

Setelah membuat kajian bagi tanaman gaharu hampir lima tahun, pada bulan Februari tahun ini, Syarikat Gaharu Berjaya Resources memulakan penjualan bibit Gaharu bagi tanaman komersial, yang mana tanaman ini boleh membantu dan menaikkan taraf pendapatan setiap penduduk Brunei khasnya dan seluruh penduduk Asia Tenggara amnya yang berpendapatan rendah.

Sementara itu, permintaan terhadap gaharu ini memang banyak datang dari negara-negara Timur Tengah, Asia dan Eropah seperti Arab Saudi, Taiwan, Jerman dan Jepun. Permintaan dunia kebelakangan ini masih tidak mencukupi iaitu kurang daripada 20 peratus harga gaharu telah meningkat dari setahun ke setahun sehingga harganya lebih mahal daripada emas.

MEGGALAKKAN

Selain itu, Syarikat Gaharu Berjaya Resources juga turut menggalakkan bertanam gaharu berasaskan biji benih dan tidak melalui tanaman *tisu didik* (*tissue culture*), kerana syarikat ini sendiri pada tahun 2005 sudah bertanam dalam kira-kira 500 pohon berdasarkan *tisu didik* tetapi iaanya bukan bertujuan untuk dikomersialkan.

Bagaimanakah pokok gaharu ini boleh mengeluarkan hasil maksima hanya lima ke tujuh tahun? Menurut Penyelia Pentadbiran dan Pemasaran

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Koleksi Syarikat Gaharu Berjaya Resources

syarikat berkenaan lagi secara alami pohon gaharu ini tidak akan mengeluarkan hasil tanpa ada mengalami kecederaan melalui gangguan fizikal ataupun stres, pohon gaharu ini mempunyai ketahanan badan atau *antibody* yang cukup kuat untuk ianya melawan penyakit.

Salah satu teknologi terkini yang digunakan oleh syarikat ini dalam menghasilkan resin dengan lebih cepat dan lebih banyak, tambahnya, ialah dengan menggunakan teknologi inokulasi atau inokulan yang mana ia mampu memendekkan jangka masa bagi pohon gaharu mengeluarkan hasilnya, selepas pokok gaharu mencapai usia tiga tahun suntikan sejenis vaksin dilakukan untuk penghasilan gaharu dan dibiarkan selama dua tahun sebelum dituai. Tanpa teknologi ini pokok gaharu tidak akan membentuk gaharu di dalamnya, berbeza dengan pokok semula jadi yang mengambil masa berpuluhan tahun lamanya,” terangnya lagi.

Menurutnya pula, teknologi ini membolehkan pengusaha mempunyai pilihan untuk mendapatkan hasil seawal mungkin yang mana hasilnya boleh digunakan sebagai modal pusingan dan sebahagian pokok dibiarkan pada tempoh matang untuk mendapatkan hasil lebih tinggi dan dari memerlukan penjagaan bagi memastikan kualiti gaharu semasa tuaiannya nanti.

Manakala itu, menurutnya pada masa ini syarikat ini juga turut mempromosikan pohon Gaharu Bonsai dari subintegra yang lebih merupakan sebagai tanaman hiasan dengan harga BND45 bagi sepohon Gaharu Bonsai dan ini merupakan yang terkini diperkenalkan oleh syarikat ini selain penjualan bibit gaharu dengan harga BND12 sepohon serta memperkenalkan keluaran terkini pokok tiga *method*, iaitu tiga pohon ditanam dalam satu tempat yang mana spesies malacensis. Yang mana kebanyakan pohon ini dapat menjimatkan tanah bagi keluasan satu ekar dapat memasuki 800 pokok gaharu dengan jarak antara pohon 6 x 6, akan tetapi dengan menggunakan pohon tiga *method* ini maka satu ekar tanah dapat memasuki 2,400 pokok.

Manakala pada tahun depan insya-Allah Gaharu Brunei akan membuat tuaian kepada pohon gaharu yang terdapat di tanah Pengarah Urusan. Di sini nanti Gaharu Brunei akan membuat produk-produk yang nantinya

akan dihasilkan yang merupakan produk hasil terkini Negara Brunei Darussalam iaitu produk semula jadi hasil Gaharu Brunei.

Dalam spesies gaharu terdapat 17 jenis yang sudah diketahui dengan nama saintifiknya iaitu Aquilaria dan boleh dijumpai di Asia Tenggara. Hasil kajian Gaharu Brunei terdapat lima jenis pohon gaharu boleh didapati di negara ini iaitu Aquilaria Malaccensis, Aquilaria Hirta, Aquilaria Beccariana, Aquilaria Microcarpa dan Aquilaria Filaria. Pokok gaharu jenis Malaccensis adalah yang terbaik kerana kesesuaian tanah penanamannya selain daripada penghasilannya. Manakala Minyak yang terdapat dalam pohon gaharu yang sudah disuling merupakan ramuan asas untuk minyak harum yang berjenama yang terkenal dan terdapat di seluruh dunia.

Minyak gaharu yang dibiarkan di dalam pohnnya yang agak lama akan menghasilkan minyak yang bernilai tinggi mengikut warna yang dihasilkan, iaitu semakin ianya menjadi lebih menghitam adalah lebih baik dan lebih bernilai dan mencecah nilai puluhan ribu.

Pohon gaharu selain ianya memang bermanfaat besar dalam membantu menaikkan taraf pendapatan setiap penduduk di negara ini, pohon ini juga mempunyai khasiatnya yang tersendiri dari segi perubatan dan juga wangian. Sementara itu, pengamal perubatan tradisional menggunakan daun pokok gaharu kerana kandungan *astringen* yang terdapat dalam daun tersebut. Daun ini dikatakan mampu membantu mengurangkan masalah kulit berminyak dan menghentikan luka berdarah. Asap wangi yang dikeluarkan oleh kayu gaharu yang telah dibakar dikatakan boleh dihidu untuk tujuan merawat kanser terutamanya kanser kelenjar tiroid, mengeluarkan angin dalam perut dan usus, melegakan asma, cirit-birit, sakit perut dan juga sebagai afrodisiak.

Industri gaharu mampu berperanan sebagai sumber ekonomi baru kepada penduduk kita dan boleh dijadikan salah satu mekanisme ke arah pembasmian kemiskinan. Oleh itu adalah baiknya kita rebut dan mencuba peluang yang sudah ada di depan kita dan sekali gus untuk kita berbakti kepada tanah yang ada. Lagipun bak kata pepatah: sudah gaharu cendana pula, sudah tahu marilah bertanam pula.



PENYELIA Pentadbiran dan Pemasaran Syarikat Gaharu Berjaya Resources, Awangku Indra Yura bin Pengiran Anak Haji Metussin menerangkan mengenai minyak kayu gaharu. Sementara gambar sisipan, minyak kayu gaharu yang sedia untuk digunakan.



IRSYAD HUKUM



Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn-Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 402

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah,
Selawat dan salam ke atas Rasulullah
Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga,
sahabat dan para pengikut Baginda)

KEMERIAHAN hari-hari perayaan yang disambut oleh penganut agama lain kadang-kadang menggamit sese-tengah orang-orang Islam untuk turut sama meraihannya.

Perlu kita sedar bahawa setiap perayaan agama lain yang diadakan itu bukan hanya sekadar sambutan semata-mata, tetapi juga sebagai memperingati sejarah perayaan tersebut yang tentunya mempunyai hubungkait dengan agamanya. Dalam kemeriahian menyambut perayaan seumpama itu, wujud kepercayaan atau amalan yang tidak sesuai dan jelas ditolak oleh Islam. Kadang-kadang kepercayaan itu juga diselitkan dalam bentuk hiburan, dengan membawa maksud sama ada untuk memeriahkan sua-

sana perayaan atau tujuan keagamaan yang tidak disedari.

Oleh kerana itu, orang-orang Islam perlu berhati-hati agar tidak mudah terikut-ikut dengan perayaan sedemikian yang langsung tidak ada kaitannya dengan Islam. Kerana yang ditakuti daripada perbuatan terikut-ikut ini adalah *tasyabbuh* (perayaan) yang tanpa disedari boleh menyentuh kesucian aqidah umat Islam.

Sebagai contoh, sempena perayaan hari Krismas, terdapat orang-orang Islam yang terdiri daripada kalangan kanak-kanak, para remaja dan orang-orang dewasa yang kelihatan memakai topi atau pakaian 'Santa Claus' atau pakaian ikon keagamaan mereka yang lain yang diedarkan oleh beberapa premis perniagaan bagi tujuan mem-

Jangan Meriahkan Perayaan Agama Lain Walau Sekadar Suka-Suka

riahkan suasana perayaan tersebut.

Contoh dari segi perayaan yang lain pula ialah terdapat segelintir orang yang turut serta dalam *party* Halloween yang diadakan oleh kawan-kawan, sedangkan dia mengetahui bahawa perayaan tersebut langsung tiada kaitannya dengan Islam. Halloween yang juga dikenali sebagai All Hallows' Eve atau Evening merupakan antara hari-hari perayaan orang bukan Islam. Ia disambut atau dirayakan pada 31 Oktober setiap tahun. Antara tujuan perayaan ini dirayakan adalah untuk menandakan kedatangan roh-roh orang mati melawat semula kediaman mereka dan wujudnya kepercayaan mengenai dengan hantu, tukang sihir, syaitan dan seumpamanya berkeliaran pada hari tersebut.

Persoalannya, apakah pandangan Islam mengenai perkara seumpama ini?

Orang Islam dilarang menyerupai amalan agama lain dalam perkara yang berkaitan dengan aqidah mereka.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radhiallahu anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: "Barang siapa menyerupai (sesuatu) kaum, maka dia adalah daripada (golongan) mereka (kaum yang diserupainya itu)."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Di dalam kitab 'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abu Daud, disebutkan pendapat Imam al-Muna-

wi dan Imam al-'Alqami Rahimahumallah menyebutkan bahawa maksud *tasyabbuh* (perayaan) dengan sesuatu kaum itu ialah sebagai berkelakuan dengan tingkah laku mereka, termasuk pakaian dan sebahagian perbuatan mereka.

Berdasarkan keterangan di atas, maka dapat difahami bahawa larangan *tasyabbuh* (perayaan) terhadap sesuatu kaum itu tidak hanya terhad pada perayaan keagamaan dan budaya mereka, bahkan orang-orang Islam perlu berhati-hati terhadap maksud perayaan tersebut. Umpamanya perayaan dari segi pakaian yang khusus pada sesuatu agama atau pakaian khusus yang menjadi kepercayaan sesuatu agama atau menjadi simbol perayaan sesuatu agama, apa lagi jika dia suka atau bermiat untuk menyerupai sesuatu

agama itu.

Menyentuh mengenai perayaan dengan orang bukan Islam dari segi berpakaian yang menjadi lambang atau tanda khusus yang membezakan mereka dengan orang-orang Islam; tersebut di dalam kitab Raudhah ath-Thalibin, susunan Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, menurut pendapat yang *shahih* bahawa orang yang memakai *qalansuwah al-Majus* (topi kecil yang dipakai oleh orang Majusi) di atas kepala mereka (orang kafir) diambil kufur.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* pula, memakai topi orang Majusi atau yang seumpamanya daripada pakaian-pakaian yang menunjukkan tanda atau

simbol orang bukan Islam tidak menyebabkan kufur jika tidak disertai dengan niat.

Kesimpulan daripada perbahasan para ulama, pengarang Kitab Bugyah al-Mustarsyidin, as-Sayyid asy-Syarif 'Abdurrahman bin Muhammad bin al-Husain bin 'Umar Ba'alawi *Rahimahullah* mengatakan:

"Hasil dari apa yang disebut oleh para ulama mengenai dengan berpakaian dengan pakaian orang-orang kafir (ialah); sama ada seseorang itu berpakaian dengan pakaian mereka (orang kafir) kerana suka atau cenderung kepada agama mereka (orang kafir) dan bermiat untuk menyerupai dengan mereka dalam simbol-simbol kekufturan, atau pergi bersama mereka (orang kafir) ke rumah-rumah ibadat mereka (orang kafir), maka menjadi kufur."

III. Makruh hukumnya dia memakai pakaian orang kafir secara kebetulan sahaja, iaitu tanpa maksud atau niat tertentu.

Dan sama ada dia tidak bermiat sedemikian (tidak ada maksud hatinya untuk suka atau cenderung kepada agama kafir) bahkan maksud atau tujuannya hanya untuk *tasyabbuh* (perayaan) semata-mata dengan mereka pada simbol-simbol perayaan mereka atau sebagai penghubung kepada muamalah yang membolehkan (untuk) bersama mereka, maka orang tersebut berdosa.

Dan sama ada dia hanya sama dengan mereka (secara kebetulan sahaja) tanpa apa-apa maksud atau niat, maka hukumnya (adalah) makruh."

Dari apa yang dikatakan oleh as-Sayyid asy-Syarif 'Abdurrahman di atas dapat disimpulkan beberapa perkara, iaitu:

I. Seseorang itu dihukumkan kufur (keluar dari agama Islam) jika dia berpakaian dengan pakaian agama (yang khusus bagi) orang kafir disebabkan dia suka atau cenderung kepada agama mereka dengan niat untuk menyerupai mereka pada simbol-simbol kekufturan.

II. Jika seseorang itu memakai pakaian orang kafir dengan tujuan menyerupai mereka pada simbol-simbol kekufturan, atau pergi bersama mereka (orang kafir) ke rumah-rumah ibadat mereka (orang kafir), maka menjadi kufur.

III. Makruh hukumnya dia memakai pakaian orang kafir secara kebetulan sahaja, iaitu tanpa maksud atau niat tertentu.

Dari keterangan di atas, jelas bahawa larangan *tasyabbuh* (perayaan) dengan orang kafir itu ialah dari segi perkara yang menunjukkan simbol-simbol kekufturan sama ada tingkah laku, pakaian, perayaan dan yang seumpamanya yang boleh menjelaskan aqidah Islam.

Walau bagaimanapun, *tasyabbuh* (perayaan) pada perkara kebaikan tidaklah dilarang. Begitu juga *tasyabbuh* (perayaan) pada tingkah laku positif selama mana ia tidak menjelaskan aqidah Islam dan tidak bercanggah dengan apa yang disyariatkan Islam.

Perkara ini ada disebut oleh asy-Syaikh Abu Muhammad bin Abi Jamrah *Nafa'ullah bih* ketika menjelaskan hadis yang melarang kaum lelaki daripada menyerupai kaum perempuan, begitu juga sebaliknya. Beliau berkata:

"Zahir lafaz (hadis yang melarang kaum lelaki menyerupai kaum perempuan dan sebaliknya) adalah celaan daripada perbuatan *tasyabbuh* (perayaan) pada semua perkara, akan tetapi yang dikehendaki daripada dalil-dalil lain bahawa yang dimaksudkan (celaan tersebut ialah) *tasyabbuh* pada pakaian, sebahagian *sifat-sifat*, tingkah laku (perbuatan) atau pergerakan dan yang seumpamanya, bukan (celaan tersebut pada) *tasyabbuh* dalam perkara-perkara yang baik."

Sebagai kesimpulan, berhubung dengan perayaan orang-orang kafir ini, umat Islam dilarang untuk merayakan walau pun hanya dengan turut serta memeriahkan perayaan-perayaan keagamaan tersebut. Begitu juga dilarang menyerupai perbuatan-perbuatan khusus yang dilakukan ketika menyambut perayaan-perayaan mereka serta dilarang memakai pakaian yang khusus pada sesuatu agama atau pakaian khusus yang menjadi kepercayaan sesuatu agama atau memakai pakaian yang khusus pada sesuatu agama kerana ditakuti boleh menjelaskan aqidah Islam.

WALLAHU 'ALAM

SEBAGAI orang yang beragama Islam, kita telah diberi petunjuk dan ajaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya bersyukur apabila mendapat nikmat. Dalam menempuh perjalanan hidup di dunia ini, banyak nikmat yang telah kita rasai dan perolehi. Kalau kita hitung nikmat tersebut, nescaya nikmat itu tidak akan dapat dikira, kerana setiap manusia mempunyai pelbagai persepsi atau gambaran terhadap nikmat yang diterima. Oleh yang demikian, sebagai hamba Allah, kita semua diwajibkan mensyukuri nikmat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 191, yang bermaksud:

"(iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (ambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

Ayat tersebut menjelaskan bahawa, mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Huud ayat 61 yang bermaksud:

"Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirk, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanmu sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya."

Sehubungan dengan itu, kita sesungguhnya merasa bersyukur kerana berada dan

Mensyukuri nikmat



dilahirkan di Negara Brunei Darussalam, bumi yang bertuah. Ini kerana kita dikurniakan negara yang memiliki kekayaan hasil minyak dan gas yang menjana ekonomi negeri serta dikurniakan dengan kepimpinan yang berwawasan. Hasilnya kita dapat menikmati bersama dengan kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti bidang pembangunan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya semata-mata untuk memberikan kemudahan dan tahap kehidupan yang baik dan selesa kepada seluruh rakyat di negara ini. Sesungguhnya apa-apa jua yang telah dilakukan adalah untuk kepentingan bangsa dan maruah negara itu sendiri, agar terbeliau dan dihormati. Maka dengan itu, kita seharusnya sama-sama berusaha mengekalkan segala kebaikan yang ada dan meningkatkan lagi usaha sehingga ke tahap yang lebih tinggi. Sokongan dan kerjasama yang erat antara pemimpin, ahli ilmuwan dan rakyat seluruhnya membolehkan nikmat yang dirasai hari ini akan kekal dan dapat pula dirasai oleh generasi yang akan datang.

Sehubungan dengan itu, sewajarnyalah kita bersyukur kepada Allah di atas nikmat yang telah diberikan-Nya. Bagi orang-orang yang bersyukur

terhadap nikmat yang Allah telah berikan, nescaya Allah akan menambah kenikmatan kepada mereka, ini juga merupakan salah satu rahsia dari Al-Qur'an. Bagaimanapun harus kita tanamkan dalam hati bahwa keikhlasan merupakan prasyarat agar dapat mensyukuri nikmat. Jika seseorang menunjukkan rasa syukurnya tanpa berpaling dengan ikhlas kepada Allah dan tanpa menghayati rahmat dan kasih sayang Allah yang tiada batas, tetapi rasa syukurnya itu hanya untuk menarik perhatian orang, tentu saja ini merupakan ketidakikhlasan yang parah. Allah mengetahui apa yang tersimpan dalam hati dan mengetahui ketidakikhlasan tersebut. Orang-orang yang memiliki niat yang tidak ikhlas tentu saja menyembunyikan apa yang tersimpan dalam hati dari diketahui orang lain. Tetapi ia tidak dapat menyembunyikan-Nya dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Huud ayat 117, yang bermaksud:

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membina-nakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri."

Berkenan menyempurnakan pentauliahan KDB DARULAMAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis sempena Upacara Pentauliahan Kapal Peronda Baru KDB DARULAMAN.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Pemerintah ABDB, Mejah Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanafiah (kiri), sementara gambar tengah, Kebawah DYM berkenan menyerahtera bendera Pentauliahan 'Commissioning Pennant', manakala gambar kanan, baginda berkenan mendarangkan semasa taklimat mengenai KDB DARULAMAN daripada Pegawai Pemerintah KDB DARULAMAN, Leftenan Kolonel (L) Pengiran Mohamad bin Pengiran Haji Damit.

KDB DARULAMAN MODEN, CANGGIH

MUARA, Isnin, 12 Disember. - Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) terus berusaha untuk mencapai tahap operasional yang diperlukan dan apa jua nilai tambah dan inisiatif ke arah meningkatkan kebolehan anggotanya.

Hari ini, TLDB mencatatkan satu lagi peristiwa penting dalam sejarah perkembangannya apabila secara rasmi menerima Kapal Peronda Kelas Darussalam iaitu Kapal Diraja Brunei (KDB) DARULAMAN pada majlis yang berlangsung di Jeti Pangkalan TLDB, di sini.

KDB DARULAMAN adalah kelas Darussalam yang terakhir yang telah ditauliahkan kepada Luerssen Shipyard oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keratan keluli dan Keel Petelur dimulakan pada 26 Jun 2009 dan lunas kapal dibentuk pada 12 November 2009 dan seterusnya dilancarkan pada 6 Januari 2011.

Majlis Penyerahan serta Upacara Menaikkan Bendera KDB DARULAMAN telah berlangsung di Luerssen Shipyard, Jerman.

Menerima bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Kapal tersebut dikendalikan oleh seorang Pegawai Pemerintah KDB DARULAMAN, Leftenan Kolonel (L) Pengiran Mohamad bin Pengiran Haji Damit bersama lebih dari 50 anggota kapal terdiri daripada pegawai dan anggota Kadet.

Aset ini juga akan menyokong usaha-usaha dalam memelihara keamanan dan ketabidil di rantau ini.

Spesifikasi kapal peronda KDB DARULAMAN mempunyai 80.0 meter panjang, 13.0 meter lebar, 3.3 meter kedalaman draf kapal, 1,625 ton bagi pengalihan angkutan penuh dan dengan kelajuan 20 knots.

KDB DARULAMAN memulakan pelayaran bersejarah pertamanya 'The Maiden Voyage' pada 7 Oktober 2011 dari Pelabuhan Lemwerder, Jerman menuju balik ke tanah air Negara Brunei Darussalam.

Pelayaran pertama yang mengambil masa kira-kira 62 hari itu tidak membuat persinggahan di Pelabuhan Jeddah, Arab Saudi dan Pelabuhan Salalah, Oman setelah mengharungi Lautan Atlantik, Lautan Mediterranean, Teluk Suez, Lumut Perak, Malaysia.

Pada tahun 2011, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Leftenan Kolonel dan memegang jawatan Pegawai Principe Naval Overseer di Jerman dan kini beliau menjawat tugas sebagai

Teluk Aden, Lautan Hindi, Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Antara pelabuhan-pelabuhan yang dikunjungi semasa pelayaran tersebut ialah Toulon, Perancis; Pangkalan Tentera Laut Akzas, Turki; Port Suez, Mesir; Muscat, Oman; Colombo, Sri Langka dan Pangkalan Tentera Changi di Republik Singapura.

Sementara itu, KDB MUSTAED berukuran 27.2 meter panjang dan 6.2 meter lebar dilengkapi dengan sistem Waterjet yang mampu memberi kelajuan mencapai lebih 40 knot.

Keseluruhan badan kapal mempunyai ketahanan untuk beroperasi di laut serta berkebolehan untuk membuat pemantauan di Kawasan pesisiran pantai dan sungai-sungai dengan kedalaman air yang ceteck itu diperbuat daripada Aluminium Alloy oleh Syarikat Marintechnik Shipbuilders dari Republik Singapura.

Bot Pemintas Laju KDB MUSTAED ini merupakan satu lagi peningkatan keupayaan aset TLDB dalam menanam tugas dan tanggungjawab ke arah mempertahankan kedaulatan maritim Negara Brunei Darussalam, selaras dengan perkembangan Kertar Putih Pertahanan.

MUSTAED membawa arti 'Bersiap Sedia' dan dalam konteks ketenteraan bermakna 'Sentiasa Bersiap Sedia Menghadapi Apa Jua Cabaran dan Rintangan'.

Oleh : Abdullah Asgar, Haniza Abdul Latif, Khartini Hamir
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Tawaran akan dikira Sah Laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatakan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN/4(39/1997).

10. Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.


KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : KHEDN/PE/22/2011

TERM CONTRACT (24 MONTHS) FOR CLEANING WORKS TO MINISTRY OF HOME AFFAIRS BUILDING, JAMES PEARCE ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM (JKR NO. 3)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terbuka kepada pembe-

kal-pembekal/pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas II dan III sahaja.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong. Hendaklah ditulis dengan Nama Tawaran, Bilangan Tawaran, Tarikh Tutup dan Kepada.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan di dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tingkat 1**, dan dialamatkan kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,

Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam

4. Tarikh tawaran tutup pada **3 Januari 2012 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang.**

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Tawaran mestilah disertakan bersama dengan salinan **Pendaftaran Syarikat dan salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Act Section 16 & 17).**

6. Bayaran penyertaan Tawaran hendaklah dijelaskan terlebih dahulu di **Bahagian Pengawalan Hiburan Awam, Penerbitan dan**

Perhubungan Awam, Tingkat 3, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, BSB BS8610 sebanyak BND50.00 (lima puluh ringgit sahaja) tidak dikembalikan.

7. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah didapat daripada **Bahagian Pengurusan Estet, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan BS8610.**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.


**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI POLITICAL AFFAIRS OFFICER, DEMOCRACY SECTION, POLITICAL AFFAIRS DIVISION

Closing Date: **14 December 2011**

Job Title : Political Affairs Officer
Unit: Political Affairs Division

Essential Specification

Education and Experience :

Essential

- A degree in a relevant subject such as political science or international relations;

Desirable:

- At least five years work experience in the area of democratic processes and institutions;

- Sound understanding of international affairs; and

- Experience gained in an international organisation or government department, with expertise in developing countries.

JAWATAN KOSONG SEBAGAI ECONOMIC ADVISER, INTERNATIONAL FINANCE AND CAPITAL MARKETS, ECONOMIC AFFAIRS DIVISION

Closing Date: **14 December 2011**

Job Title : Economic Adviser
Unit: Economic Affairs Division

Essential Specification

Education and Experience :

Essential

- Post-Graduate degree in Economics, with sound quantitative skills or relevant Post-Graduate degree with strong Economic components.

Desirable:

- A specialisation in international economics and/or International Development Finance;

- Practical knowledge of the workings of the international financial institutions;

-A demonstrated track record of project and programme management;

-A demonstrated track record in publications on financing for development issues;

-At least seven years experience in economic analysis and policy formulation and financing for development at a senior management level in a government, international financial institution or research organisation (including NGO) and

-Extensive experience of working in (or on) developing countries.

Syarat asas :

1. Rakyat dan penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:

Calon-calon berminat hendaklah menghantar terus butir-butir peribadi (*Curriculum Vitae*) dengan disertakan bersama satu *Covering Letter* dalam bahasa Inggeris yang antara lain mengandungi maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dengan jawatan yang dipohonkan kepada:

**Human Resources Section
Commonwealth Secretariat
Malborough House
Pall Mall**

London SW1Y 5HX

United Kingdom

Tel : + 44 020 7747 6190

Fax : + 44 020 7747 6520

Calon-calon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawatan kosong yang di tawarkan dalaman web : www.the-commonwealth.org; dan

Hanya calon-calon yang telah disenaraikan pendek akan dipanggil untuk temu duga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa satu bulan dari tarikh tutup permohonan, maka permohonan calon tersebut dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi :

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

Pusat Persidangan Antarabangsa

Jalan Berakas,

Bandar Seri Begawan BB 3910

Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2261177


PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
(I) NOTIS TAWARAN BILANGAN :
HMSF/HGM/PF2/2011

TAJUK :
MENGGANTI PAGAR KESELAMATAN

(II) NOTIS TAWARAN BILANGAN :
HMSF/HGM/RR2/2011

TAJUK :
PEMBAIKAN DAN PENURAPAN SEMULA DAN MEMBERI TANDA-TANDA DI JALAN RAYA DAN TEMPAT LETAK KERETA DI KAWASAN SEBELAH BARAT HANGAR 2

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai kepentingan dalam mengendali dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan penurapan semula Jalan Raya Hangar 2.

2. Dokumen Tawaran yang berharga **BND50 (Tidak dikembalikan)** bagi **Bilangan Notis Tawaran (I) dan (II)** bolehlah diperolehi daripada Unit Pemantauan, Penerangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan BB2713, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **hari Isnin, 19 Disember 2011**.

3. Syarikat-syarikat mestilah membawa

bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran**, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak **lewat jam 2.00 petang, hari Isnin, 9 Januari 2012**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan

menyatakan Bilangan dan Tajuk Tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
8. Tawaran akan dikira Sah Laku dalam tempoh 180 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, **Rujukan : LTN/4(39)/1997**.
10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.


**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**
IKLAN SEBUT HARGA
BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN/BPB/9/2011
KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN DAN SEKITARNYA BANGUNAN MAHKAMAH-MAHKAMAH DAERAH BELAIT, BAGI TEMPOH 12 BULAN

Tarikh terakhir mendapat Dokumen Sebut Harga iaitu pada **17 Disember 2011**.

'Information Day' Pada :
19 Disember 2011

Tempat :
Kawasan Lobi
Mahkamah-Mahkamah Daerah Belait

Tarikh Tutup SEBUT HARGA :
Hari Selasa, 20 Disember 2011

Syarat-Syarat Sebut Harga :

1. Sebut Harga adalah dibuka kepada

Pemborong / Syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai **Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah**.

2. Sebut Harga hendaklah dalam sampul surat yang **tertutup rapi (sealed)** dengan hanya menyatakan tajuk Sebut Harga yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada :

Pengerusi Jawatankuasa
**Sebut Harga Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri**
**Pintu 'C' Tingkat 1,
Bangunan Mahkamah Besar Brunei
dan Mahkamah-Mahkamah Syariah
Jalan Stoney,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan **Pintu 'C', Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam** tidak lewat

jam 2.00 petang, hari Selasa, 20 Disember 2011.

4. Yuran Sebut Harga adalah **BND10 (Sepuluh Ringgit Brunei Sahaja)** bagi setiap Sebut Harga dan tidak akan dikembalikan kepada Pemborong/Syarikat sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar Sebut Harga yang sah (bona-fide Quotation).

5. Yuran Sebut Harga boleh dibayar melalui **Kaunter Bahagian Kutipan Hasil di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan** pada hari dan waktu yang dinyatakan di bawah :

Isnin hingga Khamis :

8.00 pagi - 11.30 pagi

2.00 petang - 3.30 petang

Sabtu :

8.00 pagi - 10.45 pagi

6. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam**

dengan membawa resit bayaran bagi Yuran Sebut Harga berkenaan.

7. Pemberong/Syarikat yang ikut serta dikehendaki menghantar dokumen Sebut Harga dalam **dua (2) salinan** berserta dengan keterangan yang berkaitan dengan Sebut Harga dan Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration-Business Name Act) mestilah disertakan.

8. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat atau menerima Sebut Harga yang terendah atau lain-lain Sebut Harga yang tidak berpatutan.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut Sebut Harga ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Bangunan Jabatan Kehakiman Negara atau melalui telefon **2240331/2221600 sambungan 209**.


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA-KETUA KAMPUNG DAERAH BRUNEI DAN MUARA

JABATAN Daerah Brunei dan Muara dengan sukacitanya mempelawa/menjemput penduduk-penduduk kampung-kampung berkenaan bagi menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan-jawatan Ketua-ketua Kampung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Ketua Kampung Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A'
 2. Ketua Kampung Kawasan 3, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Tungku, Mukim Gadong 'A'
 3. Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, Mukim Berakas 'A'
- Tanggagaji : C1. EB2 iaitu BND1,280 hingga BND1,930

Kelayakan Calon Ketua Kampung :

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

a. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat

sesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemeliharaan;

- h. **Tidak pernah diisyitharkan muflis** di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh Mahkamah.

2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan jika dilantik sebagai Ketua Kampung hendaklah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatannya sebagai Pegawai Kerajaan.

3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Pencadang dan Penyokong-Penyokong seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan yang berumur 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

5. Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu menghadapkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu

bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.

6. Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.

7. Seorang Ketua Kampung akan dilantik atas Titah Perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

8. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada hari Sabtu, 7 Januari 2012.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KETIGA 12 DISEMBER 2011

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	SIM KIM HUAT KIULAP	TEGUH RAYA DEPT STORE	SIN KEW HIN GADONG	HUA HO YAYASAN	No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	1ST EMPORIUM & SUPERMARKET	SIM KIM HUAT KIULAP	TEGUH RAYA DEPT STORE	SIN KEW HIN GADONG	HUA HO YAYASAN
1	Condensed Milk (Susu Manis Pekat)								14	Mayonnaise							
F&N	390 g	\$1.05	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.05	\$1.00		Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.55	\$2.20	\$2.30	\$2.20	\$2.50	\$2.60	
Milkmaid	388 g	\$1.25	\$1.25	\$1.15	\$1.20	\$1.20	\$1.25		Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$4.20	\$4.20	\$3.99	\$3.95	\$4.20	\$4.20	
Teapot	388 g	\$1.25	\$1.25	\$1.25	\$1.25	\$1.10	\$1.20		15 Infant Diapers								
2	Evaporated Milk (Susu Cair)								Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.15	\$7.50	\$7.50	\$7.20	\$13.50	-	
Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05		Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.15	\$7.50	\$7.50	\$7.20	\$13.50	-	
F&N	400 g	\$1.25	\$1.15	\$0.99	\$1.15	\$1.20	\$1.15		Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.15	\$7.50	\$7.50	\$7.20	\$13.50	-	
Ideal	405 g	\$1.60	\$1.55	\$1.60	\$1.45	\$1.60	\$1.55		Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$13.60	\$13.60	\$13.60	\$12.90	\$13.50	\$13.60	
3	Flour (Tepong)								Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$13.60	\$13.60	\$13.60	\$12.90	\$13.50	\$13.60	
Prima Plain	1 kg	\$2.45	\$2.20	\$2.09	\$2.25	\$2.20	\$2.45		Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.15	\$7.50	\$7.50	\$7.20	-	-	
Green SP Interflour	1 kg	\$1.70	\$1.60	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.75		Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	-	-	\$12.20	-	-	
4	Butter/Margarine								Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$16.40	\$16.30	-	-	-	\$15.90	
Golden Churn	340 g	\$4.95	-	\$5.20	-	-	\$4.95		Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$16.40	\$16.30	-	\$16.20	-	\$15.90	
QBB	454 g	\$6.20	\$6.20	\$6.50	\$6.80	\$5.80	\$6.20		Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	-	\$16.30	-	-	-	-	
Planta Margarine	480 g	\$3.60	\$3.60	\$3.60	\$3.50	\$3.70	\$3.60		Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	-	\$16.30	-	-	-	-	
5	Instant Noodles								Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$16.95	-	-	\$16.80	-	\$16.20	
Maggi Curry	80g x 5	\$1.75	\$1.85	\$1.65	\$1.75	\$1.75	\$1.69		Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	\$8.80	-	\$8.80	-	-	\$8.80	
Maggi Ayam	80g x 5	\$1.80	\$1.85	\$1.85	\$1.75	\$1.75	\$1.85		Sealer Small (3-7 kg)	S 46	-	-	-	-	-	-	
Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10	\$2.10		Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	-	-	-	-	-	\$13.20	
Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.90	\$1.95	\$1.90	\$1.95	\$1.90	\$1.90		Sealer Large (9-14 kg)	L 48	-	-	-	\$14.90	-	-	
Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	\$1.40	\$1.40	\$1.35	\$1.30	\$1.30	\$1.40		Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	-	-	\$15.20	\$14.90	-	\$14.80	
6	Dried Noodles								Sealer Sumo Extra Large (15kg above)	XXL 28	\$11.10	-	\$11.80	\$11.50	-	\$11.50	
Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.60	\$2.00	\$0.45	\$0.50		\$0.55		EQ Dry- Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	-	\$3.80	\$3.80	-	-	
Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.90	-	\$1.65	\$1.70	\$0.60	\$3.55		EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	-	\$7.50	\$7.50	-	\$7.80	
Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.05	\$1.10		EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	-	\$7.50	\$7.50	\$16.80	\$7.80	
Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.20	\$1.30	\$1.30	-	\$1.30	\$1.35		EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$11.20	-	\$11.00	\$10.90	\$16.80	\$11.20	
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)								EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$11.20	-	\$11.00	\$10.90	\$16.80	\$11.20	
Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$3.99	\$3.90	\$3.89	\$3.99	\$4.20	\$4.10		EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.00	\$9.20	\$8.70	\$8.90	\$12.80	\$9.00	
Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$5.80	\$5.20	\$3.99	\$4.90	\$4.50	\$5.90	16	Frozen								
Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.40	\$3.80	\$3.09	\$3.70	\$4.50	\$3.60		BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$1.99	\$2.10	\$1.95	\$2.10	-	\$1.99	
Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.20	\$6.50	\$6.69	-	\$6.50	\$7.50		Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.45	\$2.35	\$2.45	\$2.45	\$2.35	\$2.45	
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)								BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	\$1.65	\$1.59	\$1.60	-	\$1.50	
1 Dozen (Size)	1 doz	\$1.90	\$2.30	-	\$1.90	\$2.00	\$1.95		BMC - Nuggets	1 kg	\$5.80	\$6.50	\$5.99	\$6.50	-	\$5.80	
1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$5.70	\$5.50	\$5.40	\$5.60	\$5.40	\$5.95		Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.90	\$8.20	-	\$7.90	\$8.50	\$8.65	
9	Onions (Bawang)								FARM'S Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.60	\$5.50	-	\$5.60	\$7.20	\$4.90	
Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$1.80	\$2.80	\$1.20	\$1.90	\$2.50	\$1.60		BMC - Chicken Burger	900 g	\$6.30	\$7.20	\$6.90	\$6.80	-	\$6.30	
Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$1.40	\$2.80	\$1.30	\$1.50	\$1.80	\$1.20		PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-	
Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.10	\$1.90	\$0.65	\$1.00	\$1.50	\$1.00		BMC - Beef Burger	900 g	\$6.25	\$6.80	\$6.70	\$6.50	-	\$6.25	
10	Cooking Oil (Minyak Masak)								PDS - Beef Burger	900 g	\$6.95	-	\$6.30	-	-	\$6.90	
Mazola Corn	3 kg	\$13.55	\$13.90	\$13.20	\$13.50	\$13.60	\$13.20	17	Canned Preserved Food								
Naturel Sunflower	3 kg	\$11.80	-	\$7.80	-	-	\$10.70		Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.50	
Labour	2 kg	\$6.60	\$5.80	\$4.99	\$5.80	\$5.95	\$6.30		Rex Chicken Curry	160 g	\$1.50	\$1.60	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.50	
Labour	5 kg	\$13.95	\$12.50	\$10.20	\$12.90	\$12.95	\$13.95		Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.10	\$1.80	\$1.95	\$1.90	\$1.90	\$2.10	
Seri Murni	2 kg	\$5.10	-	\$5.30	\$5.20	\$5.00	\$5.20		Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.10	\$2.10	\$1.95	\$1.95	\$2.00	\$2.10	
Seri Murni	5 kg	\$11.60	\$12.50	\$11.50	\$11.50	\$12.00	\$10.90		Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.05	\$1.10	\$1.00	\$1.00	\$1.00	\$1.10	
Sunco	2 ltr	\$4.95	\$5.00	\$5.10	\$4.95	\$4.95	\$5.20		Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.05	\$1.15	\$1.00	\$1.15	\$1.10	\$1.10	
Sunco	5 ltr	\$11.40	\$10.40	\$10.80	\$10.80	\$10.60	\$10.50		Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	\$1.00	-	-	\$0.85	\$1.10	
Sania	2 ltr	\$4.25	\$4.40	\$4.30	\$4.40	\$4.40	\$4.25		Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	\$1.10	\$1.10	-	-	\$1.20	\$1.10	
Sania	5 ltr	\$10.00	\$10.20	\$9.95	\$9.90	\$10.00	\$9.90		Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$						



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim memberikan kata-kata semangat kepada atlet-atlet negara yang menyertai menyertai 6th ASEAN Para Games, Solo Indonesia yang bermula 12 hingga 22 Disember 2011.

Kontinjen negara berlepas ke Solo

Berita dan Foto :
Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 11 Disember. - Seramai 37 kontinjen Negara Brunei Darussalam terdiri daripada 24 atlet Orang Berkeperluan Khas dan 13 Pegawai Urusetia termasuk Jurulatih dan Pegawai Perubatan bertolak ke Solo, Republik Indonesia bagi menyertai 6th ASEAN Para Games, Solo Indonesia yang bermula 12 hingga 22 Disember 2011.

Kontinjen negara diketuai oleh Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud selaku Chef de Mission.

Hadir mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim.

Wakil PELITA BRUNEI sempat

menemu buah Awang Haji Rosmadee yang mengatakan atlet-atlet pada masa ini begitu berpotensi sekali dan diharap akan dapat meningkatkan prestasi yang baik.

Pada tahun ini, jelasnya, Negara Brunei Darussalam akan menyertai sukan baru iaitu *ten pin bowling*.

Jelasnya, peningkatan para atlet-atlet dari setahun ke setahun begitu ketara sekali dengan adanya latihan dan diharap para atlet akan berusaha bersungguh-sungguh.

Skuad Bola Sepak rangkul pingat perak



PEMAIN negara semasa menerima pingat perak.

KALIMANTAN TIMUR, Sabtu, 10 Disember. - Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam Bawah 21 tahun berjaya menjadi naib juara dalam Sukan Borneo Ke-IV selepas menumpaskan pasukan Kalimantan Selatan dengan jaringan 2 - 1 di Stadion Madya Sempaja Samarinda, di sini.

Kemenangan diperoleh selepas usaha dan kerja keras berpasukan yang ditampilkan oleh anak didik Kwon Oh Son dan kemuncaknya disempurnakan apabila rembatan kencang yang dilepaskan Md.

Nur Ikhwan pada minit ke-53 itu menjadi keberuntungan.

Perlawanan yang sering kali dicemari dengan insiden-insiden kasar oleh Pasukan Kalimantan Selatan ini bermula pada babak pertama hingga kedua seolah menggambarkan pasukan berkenaan tertekan dengan persembahan pasukan negara yang sering melakukan serangan walaupun ancaman tersebut berhenti setakat pada petak 'D' sahaja.

Dua ancaman berturut-turut pasukan negara hampir membuka tirai ja-



Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto :
Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

ringan apabila pada minit ke-34 rembatan Md. Azwan berjaya didakap oleh penjaga gol Kalimantan Selatan, Ali Budi Raharjo selepas menerima umpanan Md. Aqnal Hakim dan ini diikuti dengan percubaan Awangku Anaqi Sufi yang tersasar sedikit dari tiang gol.

Pasukan negara tersentak apabila pasukan Kalimantan Selatan berjaya membolosi gawang pasukan negara hasil pergelutan di depan pintu gol yang dijaringkan oleh Aris Dwi Bachtiar pada minit ke-44.

Kegembiraan Kalimantan Selatan cuma seketika apabila pasukan negara berjaya menyamakan kedudukan seminit kemudian selepas rembatan leret Adi Said yang menerima hantaran Awangku Anaqi Sufi gagal diselamatkan Ali Budi Raharjo.

Kedudukan berubah pada minit ke-8 separuh masa kedua selepas rembatan Adi Said dihadang oleh benteng pertahanan Kalimantan Selatan yang menyebabkan bola tersebut melantun dan kemudian disambar dengan rembatan kencang Md.

Nur Ikhwan yang gagal ditepis oleh Ali Budi Raharjo.

Dengan kemenangan tersebut pasukan negara berjaya memenangi dua kali perlawanan dan sekali tewas yang sekali gus meletakkannya di tempat kedua bagi merangkul pingat perak.

Mengulas perlawanan ini, Penolong Jurulatih, Awang Haji Rosnan berkata, pada mula separuh

pertama pasukan negara belum mendapat rentak sebenarnya namun mereka berjaya menjaringkan gol pada saat akhir seperuh masa pertama untuk memperbaiki penyamaan.

Walau bagaimanapun, jelasnya pada separuh masa kedua pasukan negara telah menguasai perlawanan dan sekali gus banyak memberikan tekanan kepada pihak lawan sehingga pasuka negara berjaya

menjaringan gol kedua di minit ke-53.

"Walau menang kita akan memperbaiki pelbagai kekurangan kita seperti kelemahan-kelemahan melakukan hantaran terutama dalam persediaan kita menghadapi Piala Hassanah Bolokia Februari depan," ujar beliau.

Dengan kekalahan tersebut meletakkan pasukan Kalimantan Selatan tempat ketiga dan seterusnya mendapat pingat gangsa.



PASUKAN negara bawah 21 tahun yang berjaya meraih pingat perak pada Sukan Borneo Ke-IV selepas menumpaskan pasukan Kalimantan Selatan 2 - 1.

Kalimantan Timur sapu 57 emas, 32 perak dan 37 gangsa

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
dari Kalimantan Timur, Republik Indonesia

KALIMANTAN TIMUR, REPUBLIK INDONESIA, Ahad, 11 Disember. - Tuan rumah Sukan Borneo Ke-IV, Kalimantan Timur, berjaya menguasai kutipan pingat sebanyak 126 pingat melalui 57 emas, 32 perak dan 37 gangsa dalam 13 acara sukan yang dipertandingkan pada 4 hingga 11 Disember 2011.

Pada tahun 2009 yang dilangsungkan di Negara

Brunei Darussalam, Kalimantan Timur hanya mampu memungut pingat sebanyak 31 pingat iaitu 14 emas, 10 perak dan 7 gangsa daripada sembilan acara yang dipertandingkan dalam Sukan Borneo Ke-III, dengan menduduki tangga keempat.

Pada tangga kedua, Kalimantan Barat dengan jumlah pungutan sebanyak 39 pingat dengan sepuluh emas, 19 perak dan

dan 5 gangsa dengan jumlah pungutan 19 pingat dan menduduki tangga keempat. Ketika menjadi tuan rumah Sukan Borneo Ke-III, 2009, Negara Brunei Darussalam berjaya meraih sebanyak 30 pingat iaitu 13 emas, satu perak dan 16 gangsa dengan kedudukan tangga ketiga.

Kalimantan Selatan menduduki tangga kelima dengan mengutip 31 pingat iaitu 7 emas, 10 perak dan 14 gangsa. Pada Kejohanan Sukan Borneo Ke-III 2009, pasukan Kalimantan tidak menyertai

kejohanan.

Negeri Sabah merupakan juara bertahan dalam pungutan pingat dalam Sukan Borneo Ke-III di Negara Brunei Darussalam 2009, tetapi sukan kali ini kontinjen Sabah hanya berjaya meraih 5 pingat emas, 13, perak dan 12 gangsa dengan kedudukan tangga keenam dalam Sukan Borneo Ke-IV. Pada tahun 2009, di Negara Brunei Darussalam dengan 56 pungutan pingat iaitu 18 emas, 20 perak dan 18 gangsa dan menduduki tangga pertama.

Manakala negeri Melaka, Malaysia tidak menyertai Sukan Borneo kali ini, tetapi menghantar pe-

nyertaan di Sukan Borneo Ke-III 2009 di Negara Brunei Darussalam dengan memungut sebelas pingat iaitu 6 emas, 3 perak dan 2 gangsa dengan kedudukan ketujuh.

Pasukan yang menduduki tangga terakhir di Sukan Borneo Ke-IV, iaitu di tangga kelapan ialah Kalimantan Tengah dengan meraih 5 pingat perak dan 4 gangsa. Dalam Sukan Borneo di Negara Brunei Darussalam pasukan ini menduduki tangga keenam dengan kutipan berjumlah dua pingat, 1 perak dan 1 gangsa.

Walaupun tewas, dalam hati tetap menang

KALIMANTAN TIMUR, REPUBLIK INDONESIA, Sabtu, 10 Disember. - "Walaupun saya tewas tetapi di dalam hati, saya tetap menang," begitulah luahan hati peserta negara acara Tenis, Mohd. Aiman bin Abdullah dalam temu bual bersama PELITA BRUNEI selepas perlawanan yang berlangsung di Tennis Segiri, di sini.

"Perlawaan ini adalah cukup baik bagi saya, kerana dalam perlawaan itu saya juga memberikan tentang begitu hebat kepada lawan saya. Yang mana dalam perlawaan pertama saya kalah, tetapi pusingan kedua saya bangkit dan berjaya memenangi perlawaan itu dan pusingan ketiga saya sudah berusaha semampunya yang boleh untuk meraih kemenangan tetapi

nasib tidak menyebelahi saya," ujarnya.

Mohd. Aiman bertemu peserta dari Kalimantan Timur, Denny Angga Kusuma pada peringkat akhir tenis bagi Kategori Tunggal Putra tewas dengan kiraan 1 - 6, 6 - 1 dan 2 - 6 dan sekali gus Mohd. Aiman berjaya meraih pingat perak bagi acara tenis.

Ditanya mengenai target beliau masa akan datang, beliau berkata, dia tidak akan berhenti di sini, apabila balik ke Negara Brunei Darussalam nanti beliau akan meneruskan latihan dengan lebih gigih lagi, di samping membuat persiapan kejohanan akan datang iaitu dalam acara tenis Kategori Men Futures yang akan diadakan di Republik Rakyat China dan ini pun ter-

takluk kepada kelulusan pihak Jabatan Belia dan Sukan untuk memberikannya kebenaran menyertai kejohanan tersebut.

Pada kesempatan itu beliau mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memberikan peluang untuk bermain dalam Sukan Borneo Ke-IV.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Chef de Mission, para pegawai Urus Setia Negara Brunei Darussalam yang telah datang pagi itu bagi memberikan sokongan padu terhadap saya dan juga kepada jurulatih yang telah memberikan saya semangat dan tunjuk ajar serta panduan dalam perlawaan ini," jelasnya.

Sementara itu, Chef

de Mission Kontinen Negara Brunei Darussalam, Dayang Mariam binti Ulat yang juga turut menyaksikan perlawaan akhir acara tenis menyatakan, setelah menyaksikan perlawaan peserta negara, Mohd. Aiman menentang Denny Angga Kusuma pada peringkat akhir, walaupun peserta negara, Mohd. Aiman ketinggalan pada set pertama 1 - 6, tetapi beliau mampu bangkit pada pusingan kedua dan memenangi pada set kedua dengan kiraan 6 - 1.

Tetapi dalam set ketiga, segala strategi beliau tidak mengena, yang mana beliau banyak melakukan kesilapan sehingga pihak lawan berjaya menewaskan dengan kiraan 2 - 6.

"Walau bagaimanapun secara keseluruhan,

atlet

telah banyak menyumbang ke arah kejayaan kontinen pada kali ini.

PENCAPAIAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dayang Mariam seterusnya menerangkan mengenai prestasi yang telah dicapai oleh kontinen Negara Brunei Darussalam, yang mana setelah enam hari berlangsungnya Sukan Borneo Ke-4, 2011, negara menyertai sembilan jenis acara sukan daripada 13 sukan yang dipertandingkan.

Katanya, pada Sukan Borneo kali ini kontinen negara berjaya meraih lapan pingat emas, enam perak dan lima gangsa dengan membawa jumlah kutipan 19 pingat keseluruhannya.

Beliau seterusnya merafa berpuas hati dengan disiplin para atlet dan juga pegawai pada Sukan Borneo ini. Oleh itu berkait kerjasama antara urus setia, pelatih dan juga para

"Pada tahun ini lapan

cabang sukan yang kita sertai telah berjaya menyumbang pingat bagi negara iaitu Olahraga - tiga emas, satu perak (dua atlet); Sepak Takraw - dua emas (lima atlet); Futsal - satu emas (14 atlet); Kempo - dua emas, satu perak dan satu gangsa (tiga atlet); Bola Sepak - satu perak (20 atlet); Pencak Silat - dua perak dan tiga gangsa (lima atlet); Tenis - satu perak (satu atlet); Gasing - satu gangsa (empat atlet), kecuali sukan Badminton tidak berjaya menyumbang pingat bagi negara, kedua-dua atlet hanya mampu bersaing di peringkat awal sahaja," terang beliau.

Secara keseluruhan, jelasnya, pada Sukan Borneo, kontinen negara menduduki tangga keempat, di belakang KALTIM selaku juara, KALBAR di tempat kedua, Sarawak ketiga dan juara keseluruhan Sukan Borneo Ke-4, 2011 ialah Kalimantan Timur dengan 57 pingat emas, 32 perak dan 32 gangsa.

"Jika dilihat dari segi jumlah kutipan emas pencapaian pada tahun ini memang tidak menyaingi pencapaian negara ketika menganjurkan Sukan Borneo Ke-3, pada tahun 2009 dan jika dilihat dari segi jumlah atlet tahun ini adalah yang paling sedikit iaitu seramai 56 orang atlet sahaja dan menyertai dalam sembilan daripada 13 jenis acara sukan yang dipertandingkan," katanya.

Pada penyertaan kali ini, tambahnya, kita hanya menghantar atlet yang difikirkan berpeluang untuk meraih pingat, oleh hal yang demikian penghantaran atlet adalah



MOHD. Aiman Abdullah dikalungkan pingat perak dalam Kategori Tunggal Putra oleh Chef de Mission Kontinen Negara Brunei Darussalam, Dayang Mariam binti Ulat. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Mohd. Aiman mempunyai semangat yang tinggi, walaupun ketinggalan, beliau tetap berusaha

menewaskan pihak lawan. Dalam perkara ini saya sangat merasa bangga di atas pencapaian dan

mutu yang ditunjukkan oleh Mohd. Aiman di sepanjang perlawaan berlangsung," ujarnya.

Atlet negara memiliki semangat juang

Laporan :
Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said
dari Kalimantan Timur, Republik Indonesia

CHEF de Mission Ketua Kontinen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Borneo Ke-IV, Dayang Mariam binti Ulat berkata, para atlet pada kali ini mempunyai semangat juang yang tinggi, tidak mahu mengaku kalah, walaupun agak jauh ketinggalan dengan berusaha bersungguh-sungguh sehingga mereka berjaya menewaskan lawan dalam setiap pertandingan.

"Sifat yang tidak pernah menyerah kalah sehingga mata terakhir amat saya kagumi sedangkan para atlet masih muda, namun semangat juang telah

tertamat dalam diri mereka," jelasnya ketika ditemu bual bersama wakil PELITA BRUNEI, di Hotel Mesra, di sini.

Dalam pada itu, beliau melihat pentingnya peranan pengurus dan juga jurulatih yang membimbang dan mendukung para atlet semasa kejohanan ini. Mereka inilah yang banyak menyumbang ke arah kejayaan para atlet pada Sukan Borneo kali ini.

Beliau seterusnya merafa berpuas hati dengan disiplin para atlet dan juga pegawai pada Sukan Borneo ini. Oleh itu berkait kerjasama antara urus setia, pelatih dan juga para

atlet

telah banyak menyumbang ke arah kejayaan kontinen pada kali ini.

PENCAPAIAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dayang Mariam seterusnya menerangkan mengenai prestasi yang telah dicapai oleh kontinen Negara Brunei Darussalam, yang mana setelah enam hari berlangsungnya Sukan Borneo Ke-4, 2011, negara menyertai sembilan jenis acara sukan daripada 13 sukan yang dipertandingkan.

Katanya, pada Sukan Borneo kali ini kontinen negara berjaya meraih lapan pingat emas, enam perak dan lima gangsa dengan membawa jumlah kutipan 19 pingat keseluruhannya.

"Pada tahun ini lapan

berdasarkan kepada prestasi mereka.

PENCAPAIAN KESELURUHAN KONTINJEN NEGARA

Bagi sukan individu atlet yang begitu menyerlah dengan kutipan dua emas melalui Awangku Hafiz Tajuddin bin Pengiran Rositi bagi acara 400 meter dan 800 meter lelaki. Bagi acara 400 meter beliau berjaya mengalihkan enam atlet yang lain dan 800 meter pula, beliau menewaskan enam atlet yang lain.

Sementara itu, katanya, Maziah binti Mahusin pula memenangi satu emas (800 meter) dan perak (400 meter). Kedua-dua atlet olahraga ini berjaya meraih tiga emas dan satu perak.

"Md. Aiman daripada sukan Tenis juga telah menunjukkan prestasi yang sangat baik walau-pun beliau gagal meraih pingat emas, namun beliau telah mampu melalui semi final," jelasnya.

Pasukan Sepak Takraw turut menyerlah meraih dua pingat acara Regu dan juga Double, yang tidak pernah mereka capai sepanjang penyertaan Sukan Borneo.

Mengulas penggunaan

gelanggang, beliau memuji

gelanggang pertandingan sukan Gasing dan juga Futsal.

Para atlet, jelasnya, dengan mudah menyesuaikan diri mereka, yang mana mereka menunjukkan mutu permainan yang tinggi terutama dua atlet wanita, iaitu Nurul Amal Maziah bagi acara Tanding Kelas 'A' dan Siti Nuradiyatul Amal binti Rosli dalam acara Tunggal Wanita.

Kedua-dua atlet berkenaan jika diberikan latihan yang berterusan boleh menyaingi atlet senior," ujarnya.

Pasukan bola sepak pula juga, menurutnya, telah menunjukkan tahap pencapaian yang baik, cuma mereka tidak berusaha baik semasa menentang Kalimantan Timur yang mana dengan baki tiga minit waktu perlawaan pasukan negara membuat kesilapan dan melalui tendangan percuma salah seorang pemain kita telah menanduk bola ke gawang sendiri dan memberikan gol kepada KALTIM dan menjadikan jaringan 1 - 2.

TARGET YANG DISASARKAN

Tahun ini format Sukan Borneo diubah yang mana penyertaan atlet yang berumur di bawah 21 tahun, oleh yang demikian kontinen tidaklah meletakkan target yang spesifik oleh kerana ini adalah pertama kali Sukan Borneo diadakan bagi atlet di bawah 21 tahun.

Yang mana kita, menurutnya, juga menaruh harapan kepada sukan seperti Futsal dan Tenis, berdasarkan kepada pencapaian sukan berkenaan pada Sukan Borneo yang lalu. Ternyata target tersebut kita capai pada Sukan Borneo kali ini.

"Namun sukan yang kita jangkakan akan hanya menyumbang satu pingat saja mencapai kejayaan di luar jangkaan seperti sepak takraw dan juga Kempo," terangnya.

MESYUARAT KETUA-KETUA KONTINJEN

Dalam temu bual itu beliau juga turut menjelaskan bahawa Wilayah



CHEF de Mission Negara Brunei Darussalam ke Sukan Borneo Ke-IV, Dayang Mariam semasa ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.

Persekutuan Labuan dijangka menjadi tuan rumah bagi Sukan Borneo Ke-5 pada tahun 2013. Bagaimanapun, mereka belum menentukan jenis-jenis sukan yang akan dipertandingkan.

TARGET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Menyentuh target negara pada masa akan datang, katanya, harapan kita bahawa atlet-atlet yang mewakili negara pada Sukan Borneo kali ini tidak akan berhenti hingga setakat ini sebaliknya, mengharapkan persatuan-persatuan sukan berkenaan akan membuat perancangan untuk mempertingkatkan.

"Sebenarnya banyak kejohanan-kejohanan di peringkat di bawah 21 tahun yang boleh disertai oleh atlet Sukan Borneo seperti Sukan SUKMA, Malaysia yang akan diadakan pada bulan Mei 2012, namun para atlet perlu mencapai kriteria-kriteria khusus yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan bagi membolehkan mereka menyertai kejohanan tersebut," ujarnya.

JADUAL LIGA BOLA SEPAK KEBANGSAAN DST 2011-2012



DST
THE FUTURE. NOW.

Tarikh	Hari	Group	Match No.	Perlawaan	Masa	Tempat
16/12/2011	Jumaat	B	11	DST FC vs SERI BOLKIAH	4.00 ptg	Kompleks Sukan Berakas
16/12/2011	Jumaat	C	12	RIMBA STAR vs INDERA FC	4.00 ptg	Kopleks Balapan dan Padang
17/12/2011	Sabtu	D	13	MENGLAIT FC vs RBRC FC	8.15 ptg	Kompleks Sukan Berakas

Perutusan tahniah bersempena Perisytiharan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Keempat Belas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tunku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kedah Darul Aman bersempena dengan Perisytiharan baginda menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Keempat Belas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tunku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum

Sultan Badlishah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kedah Darul Aman bersempena dengan Perisytiharan baginda menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Yang Keempat Belas.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan perasaan gembira baginda dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam di atas Perisytiharan Kebawah DYMM Al-Sultan Almu'tasim

Billahi Muhibbuddin Tunku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Baginda seterusnya menghargai tali silaturahim serta kerjasama erat dan mesra yang sekian lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Baginda yakin hubungan persaudaraan ini akan terus dipupuk dan diperluaskan lagi demi kepentingan dan kemakmuran rakyat kedua-dua buah negara.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda berserta dengan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Industri Kreatif peluang pekerjaan baru bagi para belia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berucap dalam Sesi Dialog Bersama Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Brunei Hall, London.

Dari muka 1

Bidang ini membuka potensi yang luas, jelas Yang Berhormat, antaranya boleh mengembangkan wawasan budaya bangsa untuk membuka peluang pekerjaan melalui keusahawanan yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Mengenai dengan kepimpinan belia pula, Yang Berhormat menegaskan, bahawa negara mengharapkan penam-

ilan pimpinan-pimpinan belia baru yang dinamik, progresif, berdaya saing dan penuh komitmen bagi menggerakkan dan memimpin pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat melihat banyak terdapat potensi dan bakat dalam kalangan penuntut-penuntut di seberang laut seperti di United Kingdom (UK) disebabkan oleh pendedahan, pengalaman dan kegiatan aktif mereka dalam menggerakkan Persatuan Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Brunei Hall, London.

Daripada tindak-tanduk dan interaksi penuntut memberikan gambaran tentang apa, siapa dan bagaimana kehidupan, kebudayaan dan tatasusila serta adat resam bangsa dan rakyat Brunei.

Yang Berhormat menegaskan, kita perlu memperkenalkan dan projek imej dan kebudayaan rakyat Brunei supaya ianya disanjungi dan dihormati oleh dunia dan bangsa luar dan janganlah berasa malu mengamalkan identiti bangsa kita dalam bentuk bahasa, budaya dan agama semasa berada di luar negeri.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan supaya penuntut-penuntut akan menumpukan secara sepenuhnya kepada pelajaran dan pengajaran masing-masing dengan tidak menghamparkan

Kita mahu melihat pergerakan belia yang diterajui oleh golongan-golongan sendiri bagi mengantikkan pemimpin-pimpinan belia yang sudah melewati usia belia tetapi mereka terpaksa meneruskannya disebabkan belum ada

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan supaya penuntut-penuntut akan menumpukan secara sepenuhnya kepada pelajaran dan pengajaran masing-masing dengan tidak menghamparkan

pengganti yang benar-benar komited tampil ke hadapan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa penuntut-penuntut merupakan replika atau cermin masyarakat, bangsa dan negara di luar negeri.

Daripada tindak-tanduk dan interaksi penuntut memberikan gambaran tentang apa, siapa dan bagaimana kehidupan, kebudayaan dan tatasusila serta adat resam bangsa dan rakyat

Terdahulu daripada itu, atur cara perjumpaan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa oleh Pegawai Keagamaan, Unit Penuntut-Penuntut dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Unit Penuntut-Penuntut, Dayang Hajah Azizan binti Dato Paduka Haji Othman.

Perjumpaan juga diselesaikan dengan sesi soal jawab antara penuntut-penuntut dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan rombongan berada di UK dalam rangka lawatan kerja selama lima hari atas jemputan Kerajaan Great Britain.

Menteri Pembangunan lawat enam buah projek di Tutong

Berita dan Foto :
Aryenty Haji Ariffin



TUTONG, Isnin, 12 Disember. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman serta rombongan mengadakan lawatan kerja di keenam-enam buah tapak projek pembangunan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kawasan banjir di Daerah Tutong.

Lawatan kerja Yang Berhormat bermula di tapak Projek Menaikkan Paras Jalan Raya di Mukim Tanjung Maya, Tutong iaitu Jalan Lubok Meranti, Jalan Lubuk Pulau, Jalan Tanjung Maya Penapar, Jalan Sebakit Bawah dan Jalan Sepakon.

Rombongan kemudian melawat ke Pelan Pengurusan Banjir di Dataran Sungai Tutong yang dilaksanakan oleh JKR bertujuan untuk mengurangkan kerrosakan daripada kejadian banjir dan memelihara kebersihan air.

Selepas itu rombongan melawat ke tapak Projek

Menaikkan Paras Jalan di kawasan di Daerah Tutong iaitu Jalan Tanjung Dangar Layong dan Jalan Kuala Ungar-Bangkuru, Kampung Kuru yang akan membantu mengurangkan kejadian banjir di kawasan yang terjejas dan membolehkan penduduk selamat melalui jalan-jalan tersebut semasa hujan lebat.

Yang Berhormat kemudian bereredar ke tapak Projek Menaikkan Taraf Jambatan yang sedia ada di negara ini, Paket I, Jambatan Benutan dan mengakhiri lawatan ke tapak Projek Pembesaran Jalan Lamunin.

Semasa ditemu bual, Yang Berhormat menyatakan, Kementerian Pembangunan melalui JKR akan sentiasa berusaha menjalankan projek-projek se-



DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM TAHUN 2011-2012

Hulurkan sumbangan awda melalui SMS bagi sama-sama membantu anak-anak yatim untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka warganegara yang berguna.

Layari B.World portal untuk derma atau SMS DANA1, DANA5, DANA10, DANA15 atau DANA20 ke 38111



دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتئن کراجأن، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.